


**Jilid I  
Bil. 92**



**Hari Rabu  
14hb November, 1979**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 9907]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—**

*Jawatankuasa (Hari Kedua):*

*Jadual—*

**Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 9935]**

**Maksud B. 15 hingga B. 21 [Ruangan 9987]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1980—**

*Jawatankuasa (Hari Kedua):*

**Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 9935]**

**Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 [Ruangan 9987]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- ” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- ” **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S. P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Teluk Anson).

- Yang Berhormat TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud)
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

Yang Berhormat DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S. B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 14hb November, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

TANAMAN POKOK-POKOK DI  
BANDAR

1. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa suatu cara untuk mengindahkan sesebuah bandar ialah dengan menanam pokok-pokok. Jika ya, adakah Kementerian beliau bercadang hendak menanam lebih banyak pokok di bandar-bandar yang mempunyai sedikit pokok.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa satu daripada cara-cara untuk mengindahkan bandar-bandar ialah dengan menanam pokok-pokok. Walau bagaimanapun bagi makluman Yang Berhormat tanggungjawab ini adalah di bawah bidangkuasa Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan. Saya rasa Yang Berhormat sendiri juga sedar bahawa aktiviti ini ada dilaksanakan oleh beberapa buah Penguasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Perbandaran Kelang.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar

bahawa pokok-pokok yang telah tumbuh sekian lama sejak zaman dahulu lagi dalam bandar-bandar bagi tujuan mencantikkan bandar telah ditebang. Ini adalah mencacatkan kecantikan bandar itu. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa pokok-pokok ini telah ditebang dan sedang ditebang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok itu ditebang fasal sudah lama sangat, diganti dengan yang baru.

BAHAN MENTAH MALAYSIA—  
KESTABILAN HARGA

2. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan semakin meningkatnya harga bahan-bahan mentah negara kita di pasaran dunia, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita untuk menjamin kestabilan harga bahan-bahan tersebut supaya ia tidak menjunam ke paras yang boleh merugikan ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang mengikuti dengan teliti kedudukan harga bahan-bahan mentah yang dieksport oleh negara kita di pasaran dunia. Ada kemungkinan harga bahan-bahan ini turun naik dari masa ke semasa sebagaimana yang dialami pada masa-masa yang lepas. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian saya berusaha mencari jalan untuk menstabilkan harga bahan-bahan tersebut.

Bagi bahan timah, Perjanjian Timah Antarabangsa telah wujud semenjak 23 tahun yang lalu. Dengan wujudnya perjanjian ini maka harga timah dapat dipertahankan pada

satu paras yang stabil dan memuaskan jika dibandingkan dengan harga bahan-bahan galian yang lain. Akan tetapi di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima yang ada sekarang sumbangan untuk membiayai Stok Penimbal Timah iaitu satu alat yang digunakan untuk menstabilkan harga bahan ini adalah diwajibkan ke atas negara-negara pengeluar sahaja sedangkan untuk negara-negara pengguna ianya adalah di atas cara sukarela. Di dalam rundingan untuk Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam yang dijadualkan berlangsung pada bulan April, 1980 Malaysia dan negara-negara pengeluar yang lain akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa tanggungjawab kewangan untuk stok penimbal ini akan dipikul bersama secara wajib oleh negara-negara pengeluar dan juga pengguna.

Selain daripada operasi stok penimbal, Perjanjian Timah Antarabangsa juga adalah mempunyai peruntukan untuk Skim Kawalan Eksport sebagai langkah tambahan untuk menentukan bahawa harga bahan ini tidak akan jatuh ke paras yang tidak menasabah.

Bagi bahan getah pula, satu Perjanjian Getah Asli Antarabangsa telah dipersetujui di antara negara-negara pengeluar dan pengguna di Geneva pada bulan Oktober yang lalu. Perjanjian ini menguntukkan satu stok penimbal getah asli sebanyak 400,000 tan dan satu stok contingencies sebanyak 150,000 tan. Stok penimbal biasa sebanyak 400,000 tan itu akan digunakan supaya harga tidak akan turun kurang dari \$1.68 satu kilo iaitu satu harga amaran sebelum harga lantai sebanyak \$1.50 sekilo sampai ke peringkat itu. Jika ini tidak berjaya maka stok contingencies sebanyak 150,000 itu pula akan digunakan untuk mengelakkan harga turun ke paras \$1.50 sekilo. Kerajaan Malaysia sedang mengambil langkah-langkah untuk mengesah dan menandatangani perjanjian ini dengan secepat yang mungkin. Selain daripada getah dan timah kajian juga sedang dijalankan di peringkat Kementerian saya dan juga di peringkat antarabangsa mengenai langkah-langkah yang paling sesuai untuk menstabilkan harga bahan-bahan utama yang lain yang dikeluarkan di negara kita.

Berhubung dengan penubuhan stok-stok penimbal untuk bahan-bahan utama perhatian khas juga diberikan kepada masalah pem-

biayaan stok-stok penimbal ini. Ini adalah kerana kejayaan pelaksanaan satu-satu skim stok penimbal itu bergantung kuat kepada adanya kewangan yang mencukupi. Oleh itu, Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif dalam rundingan-rundingan untuk menubuhkan sebuah tabung bersama.

Di persidangan perundingan mengenai tabung bersama (Common Fund) yang berlangsung di Geneva dalam bulan Mac, 1979 persetujuan telah dicapai mengenai unsur-unsur asas sebuah tabung bersama. Seterusnya sebuah jawatankuasa sementara telah ditubuhkan untuk menyediakan draf perjanjian menubuhkan tabung ini. Adalah diharapkan draf perjanjian ini dan juga lain-lain perediaan untuk menubuhkan tabung ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebutkan tentang usah-usaha yang bersungguh-sungguh akan dibuat dalam sidang yang ke 6 Perjanjian Bijih Timah dan perjanjian yang dibuat dalam bulan Oktober lalu mengenai getah. Baru-baru ini pihak pentadbiran Amerika Syarikat telah mengambil keputusan untuk mereleasekan stokpail mengenai timah dan apakah tindakan-tindakan yang boleh dibuat oleh negara-negara seperti Malaysia terhadap tindakan yang tidak langsung memikirkankan kepentingan negara-negara pengeluar dan apakah tindakan-tindakan yang telah diatur secara yang lebih agresif dari negara seperti Malaysia yang menjadi mangsa kepada negara-negara pembeli selama ini?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelepasan bijih timah oleh stokpail Amerika Syarikat sebanyak 35,000 tan, Kerajaan kita khususnya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telahpun mengambil tindakan menyatakan bangkangan kita ataupun hasrat kita tidak bersetuju dengan langkah pihak Kerajaan Amerika yang akan meluluskan pelepasan timah sebanyak 35,000 tan daripada stokpailnya tidak berapa lama lagi. Walaupun Senate dan Congress Amerika telah meluluskan perkara ini masih ada jalan lagi bagi kita merayu kerana walaupun Senate dan Congress telah mempersetujukan terpulanglah kepada Presiden Amerika Syarikat untuk memberi kata terakhir.

Jadi negara-negara pengeluar termasuk Bolivia dan Malaysia telahpun merayu kepada Kerajaan Amerika supaya menimbangkan kepentingan negara-negara sedang membangun termasuk Malaysia dari segi kesan apabila stokpail sebanyak itu dilepaskan di pasaran dunia.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi menstabilkan harga barang-barang utama bagi timah dan getah. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil bagi menstabilkan harga-harga minyak kelapa sawit dan kayu yang digergaji di luar negeri.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan melalui Kementerian saya bagi memastikan supaya semua commodity utama negara ini akan mendapat perlindungan yang sewajarnya demi kepentingan negara kita.

Bagi soal kayu balak dan juga kelapa sawit, saya ingin menyatakan bahawa memang ada perundingan-perundingan awal dijalankan pada peringkat antarabangsa di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu dalam program yang kita panggil "Integrated Programme for Commodities" di bawah UNCTAD bagi perundingan-perundingan ini. Setakat ini walaupun beberapa perundingan telah dijalankan, kita belum lagi dapat merumuskan satu rangka bagi satu perjanjian kestabilan harga sebagaimana yang kita buat bagi timah dan getah, bagi kelapa sawit dan juga kayu balak. Adalah diharapkan bahawa perundingan-perundingan yang akan datang di peringkat antarabangsa akan melahirkan kebaikan kepada negara kita.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Malaysia adalah salah sebuah negara yang mengeluarkan bahan mentah bijih timah dan getah yang banyak dalam dunia. Adakah Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan bercadang hendak menaikkan harga bahan mentah ini, kalau dibandingkan dengan negara-negara pengeluar minyak OPEC hari ini mereka menaikkan harga minyaknya dan adakah Kerajaan bercadang hendak menaikkan harga bahan mentah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan kepada soalan ini sudah ada termasuk dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah hendak tambah lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah menerangkan beberapa langkah untuk menjamin kestabilan bijih timah iaitu salah satu bahan galian yang mana pihak Malaysia menjadi pengeluar utama di dunia ini. Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghadkan pengeluaran bijih timah ini sebab daripada segi teori ekonomi apabila permintaan berlebihan daripada bekalan maka dengan sendirinya harga barangan itu akan naik. Jadi jika Malaysia sebagai pengeluar utama ini mengurangkan pengeluarannya maka dengan sendirinya harga bahan barangan bijih timah ini akan naik. Adakah Kementerian bercadang untuk menghadkan pengeluaran bijih timah dengan tujuan yang pertama untuk menaikkan harga barangan itu dan yang kedua untuk menjamin supaya bekalan bijih timah ini dapat kita panjangkan masanya lagi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya khasnya tidak bercadang pada peringkat ini untuk menghadkan pengeluaran bijih timah. Kita dapati bahawa pada masa sekarang harga yang diberikan kepada bijih timah kita ini adalah menasabah dan menguntungkan bagi mereka yang sedang menjalankan operasi bijih timah itu dan seterusnya memberi faedah kepada negara dari segi pendapatan keseluruhannya. Oleh itu, kita rasa kita tidak akan menghadkan tetapi kita lebih suka menstabilkan pengeluaran ini agar objektif atau matlamat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi akan dapat tercapai.

#### KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)—CARUMAN AHLI

3. **Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan hingga bulan Oktober, 1979 ini, berapakah modal telah disimpan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada bayaran

caruman ahli-ahlinya, sila beritahu bilangan keahlian KWSP yang ada sekarang dan berapakah caruman telah diterima bagi tahun 1976, 1977 dan 1978.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga penghujung bulan September, 1979 sebanyak \$7,514,000,000 caruman ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah disimpan dan dilaburkan oleh KWSP. Jumlah ahli-ahli KWSP sekarang ialah 3,421,933 orang.

Caruman yang diterima bagi tahun:

1976	...	\$513,000,000
1977	...	\$567,000,000
1978	...	\$705,000,000

#### BULAN DAKWAH

**4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan "Bulan Dakwah" pada tahun ini sepertimana yang telah diadakan dalam tahun 1978.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini Kerajaan masih belum memutuskan sama ada "Bulan Dakwah" akan dijadikan satu program tahunan dan bagi tahun ini memandangkan kepada kesuntukan masa Bulan Dakwah tidak akan diadakan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah pihak Kerajaan akan mengadakan lagi Bulan Dakwah ini pada masa akan datang?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya keadaan-keadaan yang boleh mengizinkan, Bulan Dakwah ini akan diadakan oleh Kerajaan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya menurut kacamata Islam tugas Dakwah ini telahpun berlaku di masa zaman Rasulullah lagi manakala Tuhan telah menurunkan ayat, mohon izin: "Waltakum minkum ummatun yad, u'-na ilal khairi wayakmuruna bilma'rufi wayanhauna a'nilmunkar" yang bermaksud: "Hendaklah ada di antara kamu satu

golongan pendakwah-pendakwah yang menyeru manusia kepada kebaikan dan menyuruh manusia dengan kebaikan dan melarang manusia daripada melakukan kejahatan."

Jadi ini sudah merupakan dakwah, itu satu tugas rasmi dari kacamata Islam dan apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun sudah merasmikan Bulan Dakwah ialah semata-mata hendak memberi ingatan kepada umat Islam menurut kehendak Tuhan dalam Quran: "Fazakit innafaatizikra"—Beri peringatanlah kepada manusia, mudah-mudahan peringatan itu memberi menafaat. Itulah tujuannya. Sekiranya ada kemungkinan, mungkin tahun depan akan diadakan Bulan Dakwah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh hanya hendak tahu sama ada Bulan Dakwah akan diadakan pada tahun hadapan atau tidak. Itu sahaja.

#### PERSATUAN KEBUDAYAAN— BANTUAN

**5. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan Badan-badan Kebudayaan di Negara ini hidup dengan ihsan cereti sahaja. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil mengenai perkara ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Chin Hon Ngian):** Tuan Yang di-Pertua, ya, memang benar kerana Badan-badan Kebudayaan di Negara ini adalah pertubuhan sukarela dan oleh yang demikian sumber-sumber kewangan mereka bergantung kepada ihsan badan-badan awam atau orang ramai dan juga berbagai-bagai aktiviti persatuan-persatuan kebudayaan itu sendiri yang berbentuk untuk menambahkan tabung kewangan mereka, seperti mengeluarkan penerbitan-penerbitan dan sebagainya.

Sedar akan keadaan ini, maka Kementerian saya mempunyai peruntukan untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan kebudayaan bagi mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

*(Soalan No. 6 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).*

### KOMPLEKS CAMPBELL— LAPORAN KEBAKARAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar bahawa Kerajaan telah memutuskan tidak akan mengumumkan kepada orang ramai Laporan Kebakaran Kompleks Campbell, jika ya, mengapa; jika tidak, bilakah laporan itu akan diumumkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Jumaah Menteri telah menimbang Laporan Kebakaran Kompleks Campbell dan menerima perakuan-perakuan yang terkandung dalamnya pada tahun 1977. Pihaknya telah juga memutuskan bahawa satu kenyataan akhbar dikeluarkan mengenai Laporan tersebut untuk pengetahuan orang ramai dan kenyataan akhbar tersebut telah dikeluarkan pada 6hb April, 1977.

Sepertimana dinyatakan dalam jawapan-jawapan saya dahulu, tindakan-tindakan yang berkenaan sedang diambil terhadap perakuan-perakuan Laporan tersebut dan maklumanbalas-maklumanbalas perakuan-perakuan Laporan tersebut daripada Jabatan-jabatan yang mengambil tindakan itu akan disampaikan kepada Jumaah Menteri tidak lama lagi untuk pertimbangan dan keputusannya mengenai kedudukan Laporan tersebut.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa maklumanbalas-maklumanbalas (feed-back) daripada jabatan-jabatan yang ada mengambil tindakan akan menyampaikan feed-back itu kepada Jumaah Menteri tidak lama lagi. Di sini suka saya bertanya mengapakah pihak-pihak berkenaan mengambil masa yang begitu lama untuk menyampaikan feed-back itu kepada Jumaah Menteri oleh sebab dalam Sidang yang lepas saya pun ada diberitahu apabila saya membuat pertanyaan mengenai perkara ini, saya ada diberitahu bahawa pihak-pihak yang berkenaan akan menyampaikan feed-back ini tidak lama lagi kepada Jumlah Menteri. Sekarang saya suka bertanya mengapakah pihak yang berkenaan

mengambil masa yang begitu panjang, begitu lama untuk menyampaikan feed-back itu dan yang lain saya . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat soalan tambahan ini. Cukuplah dahulu.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dengar betul-betul penjelasan atau kenyataan saya berkenaan dengan masalah yang ada di hadapan kita ini.

Masa panjang yang diambil adalah disebabkan langkah-langkah yang perlu diambil selepas laporan tersebut diluluskan oleh pihak Kerajaan. Laporan yang diluluskan itu terpaksa diedarkan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkenaan untuk tindakan. Jabatan-jabatan dan agensi-agensi tersebut telah mengkaji dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengenai laporan tersebut dan maklumanbalas-maklumanbalas mengenai tindakan-tindakan tersebut telahpun disampaikan kepada Jawatankuasa Tetap Pencegahan dan Kawalan Kebakaran. Maklumanbalas-maklumanbalas tersebut telahpun dikaji oleh Jawatankuasa berkenaan dan ianya akan disampaikan kepada Jumaah Menteri tidak lama lagi untuk pertimbangan dan keputusannya sebagaimana yang saya katakan tadi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bekas Menteri Kerajaan Tempatan telah membuat satu kenyataan umum (public statement) bahawa laporan itu tentu akan diumumkan dan adakah ini bermakna bahawa pihak Kerajaan tentu akan mengumumkan laporan kebakaran Kompleks Campbell itu.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kewajipan Kerajaan dan terpulanglah kepada Kerajaan mengumum atau tidak mengumum akan laporan itu. Saya hanya menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, itu kedudukannya sekarang.

### KADAR KEGAGALAN PENUNTUT DI UNIVERSITI TEMPATAN

8. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pelajaran menyatakan kadar kegagalan penuntut-penuntut di dalam Universiti-universiti kita

pada keseluruhannya mengikut kaum; sebab-sebab utama berlakunya kadar kegagalan yang tinggi di kalangan penuntut-penuntut ini dan rancangan-rancangan segera yang telah diaturkan bagi membantu mereka berjaya di dalam kursus mereka masing-masing.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun):** Tuan Speaker, pada keseluruhannya kadar kegagalan di kalangan penuntut-penuntut di universiti-universiti tempatan ialah kurang dari 5%. Kadar ini tidak dapat dianggap sebagai satu kadar kegagalannya yang tinggi di peringkat mana-mana universiti. Perbezaan kelulusan di antara kaum pun tidaklah luas. Walaupun begitu universiti-universiti tempatan sedang mengadakan beberapa rancangan untuk bukan sahaja mengurangkan kegagalan tetapi juga memperbaiki lagi mutu pencapaian penuntut-penuntut.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Timbalan Menteri Pelajaran mengatakan bahawa kadar kegagalan pada keseluruhannya kurang daripada 5% dan mengikut kaum-kaum adalah lebih kurang sama sahaja. Saya ingin tahu daripada beliau sama ada kadar kegagalan ini di peringkat tiap-tiap universiti adakah lebih kurang 5% atau terdapat satu universiti agak melambung tinggi daripada sebuah universiti yang lain.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, ini kadar keseluruhannya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kadar kegagalan di antara kaum Bumiputra dan bukan Melayu supaya kita dapat tahu berapa jauh jarak perbezaannya kegagalan di antara kaum itu.

*(Tiada jawapan)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau juga telah dimaklumkan iaitu dari segi bumiputra peratus kegagalan di bidang sains, engineering dan

juga medicine adalah tinggi. Jika perkara ini benar saya ingin bertanya apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk memberi extra tuition kepada pelajar-pelajar bumiputra ini.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, berkenaan kadar kegagalan penuntut-penuntut bumiputra, saya minta notislah. Tetapi mengenai langkah-langkah saya boleh beritahu kepada Dewan ini iaitu kita akan mengadakan kelas bimbingan khas dan juga tutorial tambahan semasa cuti kepada pelajar-pelajar yang telah gagal di dalam peperiksaan untuk menyediakan mereka menghadapi peperiksaan tambahan yang selalunya diadakan pada akhir cuti panjang.

Universiti Sains Malaysia khususnya telah mengadakan kursus intensif semasa cuti panjang yang dijalankan selama tiga minggu untuk tempoh pengajaran dan satu minggu untuk peperiksaan. Kursus intensif ini khususnya diadakan kepada pelajar-pelajar sains sahaja kerana masalah-masalah kekurangan ini dirasakan lebih oleh pelajar-pelajar sains.

Langkah yang kedua, pelajar-pelajar diberikan bimbingan rapi dan digalakkan berbincang dengan tenaga pengajar untuk mengatasi sebarang masalah serta mendapat nasihat tentang pelajaran mereka dan cara-cara untuk belajar dengan lebih baik dan berkesan.

Cara yang ketiga, kursus untuk Universiti Malaya pula pihak tersebut telah mengendalikan satu projek yang dinamakan "University of Malaya English for Special Purpose Project" yang bertujuan merangka dan juga menyumbangkan cara-cara membantu pelajar membaca dan juga memahami buku teks bahasa Inggeris terutama dalam bidang sains dan teknologi. Inilah langkah-langkahnya.

## PENANAM PADI BUKIT

9. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan yang beliau fikirkan untuk membantu pesawah-pesawah padi bukit di Sarawak secara lebih berkesan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penanam padi bukit di Sarawak sedang menerima bantuan baja

yang dijual kepada mereka dengan harga subsidi iaitu \$1 bagi satu bag yang beratnya 10 lb. Di pasaran luar harja baja ini adalah empat kali ganda tingginya. Di samping itu juga Kerajaan memberi percuma racun-racun serangga kepada mereka.

Untuk jangka panjang penyelidikan penanaman padi bukit akan dipergiatkan lagi. Buat masa ini kajian untuk mendapatkan jenis-jenis padi bukit dan teknik-teknik teres yang baik sudahpun dimulakan. Kajian ini akan dapat menolong petani-petani meningkatkan lagi pengeluaran padi bukit terutama di Sarawak.

### EKSPOT NENAS TIN

**10. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada benar yang Malaysia tiada dapat mengeksportkan nenas kiub yang ditinkan ke Amerika Syarikat oleh sebab besarnya nenas kiub kita tiada serupa seperti yang diisyaratkan oleh Peraturan-peraturan Kesihatan Amerika Syarikat. Sekiranya benar apakah tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Kementerian kita bagi mendapatkan Kerajaan Amerika Syarikat menghapuskan peraturan yang karut dan tiada bermakna ini.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa eksport nenas tin jenis potongan cube empat segi padu dari Malaysia tidak dibenarkan masuk ke Amerika Syarikat semata-mata kerana ukuran nenas cube kita adalah lebih besar daripada yang diperuntukkan di dalam peraturan-peraturan kesihatan Amerika Syarikat atau lebih dikenali dengan nama "Food and Drug Administration Regulations".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa ukuran potongan nenas cube kita ialah di antara  $\frac{3}{4}$ " x 1" manakala had ukuran yang ditetapkan oleh Food and Drug Administration Regulations Amerika Syarikat ialah tidak melebihi 9/16". Ini bermakna sekatan yang dikenakan terhadap eksport nenas cube kita yang ditinkan ke Amerika Syarikat bukan atas dasar kebersihan, kesihatan ataupun mutu yang rendah tetapi dari segi teknikal sahaja iaitu ukuran potongan. Oleh yang demikian, Kementerian saya telahpun meng-

hantar satu memorandum dan diikuti dengan satu petisyen atau rayuan serta juga beberapa sample kepada pihak berkenaan Amerika Syarikat tidak berapa lama dulu supaya melonggarkan sekatan ini, agar eksport nenas cube kita boleh masuk ke pasaran Amerika Syarikat. Hingga ke hari ini Kementerian saya adalah masih menunggu jawapan daripada pihak berkenaan di Amerika Syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat nenas tin jenis potongan cube kita adalah diterima oleh negara-negara lain dan larangan import oleh Amerika Syarikat ialah sebagai sekatan perdagangan bukan cukai yang dipraktikkan oleh Amerika Syarikat untuk memberi perlindungan kepada pengeluaran-pengeluar nenas tin di Hawaii. Oleh kerana perusahaan nenas tin di Hawaii telah beransur-ansur kurang kepentingannya, saya merasakan tidak ada sebab lagi pihak Amerika Syarikat masih terus mengenakan sekatan perdagangan ini.

**Tuan Au How Cheong:** Soalan tambahan. Apakah kesukaran-kesukaran perusahaan nenas kita untuk mengurangkan ukurannya supaya bahan itu dapat sambutan baiknya dalam pasaran di Amerika Syarikat?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa kesukaran yang dihadapi oleh perusahaan kita, cuma kebanyakan pemotongan untuk potongan cube ini dijalankan secara manual atau secara kakitangan sendiri dan adalah sukar bagi kita hendak mendapatkan size yang dikehendaki oleh pihak Amerika sebab potongan itu terlalu kecil dan nenas kita kadang-kadang terlalu kecil untuk mendapat potongan yang terlalu kecil.

Yang kedua, potongan yang ada sekarang ini memang digemari di Eropah. Jadi potongan yang digemari di Eropah ini tidak pula disukai di Amerika Syarikat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason!

**Tuan Wong Hoong Keat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan sekarang menjadi soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

### HARGA IKAN/UDANG— KEKURANGAN

**11. Tuan Wong Hoong Keat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar terdapat kekurangan ikan dan udang di negara ini dan akibat ini harga ikan dan udang telah melambung naik sehingga melebihi harga ayam; juga nyatakan jumlah tan dan nilai ikan dan udang yang diekspotkan dan sama ada beliau akan menimbang atau mengharamkan eksport ikan dan udang supaya dapat mengatasi kekurangannya di pasaran tempatan serta juga menukarkan harga ikan dan udang supaya rakyat biasa akan dapat membelinya.

**Datuk Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kekurangan ikan dan udang di negara ini menyebabkan harga ikan dan udang naik di pasaran tempatan. Beberapa rancangan untuk mengatasi masalah ini telah dan sedang diadakan. Di antaranya ialah:

- (i) Menggalakkan petani-petani menternak ikan air tawar bagi menambah ikan di pasaran tempatan;
- (ii) Menggalakkan tangkapan ikan di perairan dalam; dan
- (iii) Menternak ikan secara dalam sangkar terutama sekali di kawasan air payau.

Hasil perikanan yang diekspot dalam tahun 1978 berjumlah kira-kira 106,545.66 metrik tan bernilai \$196,838,932. Eksport ikan dan udang ini adalah menguntungkan nelayan. Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk mengharamkannya kerana ini adalah merupakan aktiviti ekonomi yang sehat serta memberi peluang pekerjaan kepada rakyat, dan merupakan satu daripada ikhtiar-ikhtiar menambahkan pendapatan nelayan bagi tujuan meninggikan lagi taraf hidup mereka.

**Tuan Au How Cheong:** Apakah kejayaan telah dicapai dalam usaha untuk menternak ikan ataupun udang air tawar itu dan adakah angka-angka tertentu untuk menunjukkan hasilnya telah bertambah tahun demi tahun?

**Datuk Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka-angka yang sebenar sekarang, tetapi saya boleh memberi gambaran kepada Dewan ini bahawa kemajuannya memang

tercapai daripada tahun ke setahun dan sambutan daripada petani-petani kita, terutama sekali di luar-luar bandar telah bertambah dengan adanya nasihat-nasihat dan subsidi daripada pihak Kementerian Pertanian, dan kita juga, melalui penyelidikan—penyelidikan yang dijalankan, telah mendapat pengetahuan dan pengalaman yang baru di dalam ternakan ikan dan udang ini.

### SEKOLAH MENENGAH CHUNG LING

**12. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa Timbalan Menteri Pelajaran telah baru-baru ini mengumumkan bahawa Kerajaan telah membenarkan penubuhan sebuah Sekolah Menengah gabungan Sekolah Tinggi Chung Ling di Butterworth;
- (ii) jika ada, sama ada tapak tanah telah dihakmilik oleh Kerajaan untuk sekolah cadangan ini dan sama ada Kerajaan akan membiayai segala perbelanjaan untuk pembinaan sekolah ini jumlah wang yang telah diperuntukkan, tarikh projek pembinaan akan dimulakan dan bila ia akan disiapkan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, Kementerian saya telah pun meluluskan penubuhan sebuah Sekolah Menengah di Butterworth yang akan diusahakan oleh Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Ling Pulau Pinang bagi menampung keperluan murid-murid dari Seberang Perai. Tanah tapak sekolah tersebut adalah milik sekolah itu sendiri dan pengurusan memiliki tanah itu sedang diusahakan oleh Lembaga tersebut. Kerajaan tidak akan membiayai perbelanjaan pembinaannya selain daripada sumbangan bantuan modal jika wajar. Projek ini pada masa sekarang adalah masih di dalam perancangan dan hanya Lembaga Sekolah tersebut sahaja yang akan menentukan tarikh pembinaannya.

### SURATKHABAR RISALAH ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA

**13. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah muslihat Kerajaan membiarkan akhbar-akhbar di negeri ini menyiarkan berita, rencana dan ulasan yang menghinakan dan merendahkan Kerajaan Islam Iran

dan pemimpin rakyat Iran Ayatullah Ruhullah Khumeiny. Pada hal dalam kenyataan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di dalam Dewan ini beberapa ketika dahulu ada menyebutkan bahawa Kerajaan telah tidak mengeluarkan permit KDN kepada Angkatan Belia Islam Malaysia untuk mengeluarkan suratkhbar RISALAH kerana surat khabar tersebut menyiarkan berita atau ulasan yang menyinggong negara sahabat. Mengapakah dasar yang sama tidak diamalkan terhadap akhbar-akhbar yang menyiarkan berita, rencana dan ulasan yang menghina Kerajaan Islam dan pemimpin rakyat Iran itu.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan berkenaan dengan pengawasan akhbar adalah bertujuan menjaga keselamatan negara dan juga kententeraman awam.

Berkenaan dengan RISALAH, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 20hb November 1978, beliau tidaklah pernah menyatakan bahawa alasan tindakan ialah siaran berita atau ulasan yang terkandung menyinggong negara sahabat tetapi rencana yang diterbitkan adalah perkara yang mengapi-apikan dan membangkitkan perasaan satu pihak yang menimbulkan semangat yang tidak sihat di kalangan segolongan masyarakat di dalam negara ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar setakat ini terdapatnya siaran di dalam akhbar-akhbar, atau majalah-majalah tempatan, rencana-rencana atau ulasan yang menghina atau merendahkan Kerajaan Islam Iran dan pemimpin rakyat Iran. Sama ada beliau sedar rencana-rencana atau makalah-makalah yang berkenaan pernah disiarkan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak sedar.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bahawa sikap fanatic negeri Arab bahawa apa yang berlaku di Iran itu semuanya baik dan betul belaka walaupun ada kezaliman dan kejahatan yang dilakukan. Oleh itu, saya ingin

bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah implikasinya ataupun tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan negara kita juga negara yang terlibat sekiranya sebuah akhbar tempatan itu menyiarkan berita-berita yang tidak benar.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, berita-berita yang tidak benar itu bukanlah menjadi satu alasan untuk menjadi perkara pengawasan penyiaran akhbar tetapi dasar Kerajaan macam mana saya katakan tadi ialah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, orang-orang Iran itu bukan orang Arab (*Ketawa*).

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu siaran-siaran dan ulasan-ulasan yang telah disiarkan selama ini boleh menyinggong perasaan sesebuah negara lain yang menyebabkan bahawa negara itu memandang serong kepada negara kita dan kenyataan-kenyataan ataupun ulasan-ulasan itu memang ada terutamanya di dalam ulasan *Berita Harian* oleh seorang pengarang iaitu Tan Sri Sheikh Abdullah selalu menyinggong peribadi dan juga Kerajaan Iran itu. Jadi masalahnya ialah apakah kebijaksanaan di dalam menyiarkan berita-berita itu dalam hubungan antara negara kita dengan negara-negara tersebut.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada saya mendengar bahawa orang Iran sendiri merasa dia tersinggong.

#### SYARIKAT KASSIM, CHAN & CO.— ODITAN

14. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan akaun perbadanan-perbadanan awam dan agensi-agensi Kerajaan yang diudit oleh Syarikat Kassim, Chan & Co., dan sama ada beliau telah mengarang supaya akaun badan-badan tersebut yang diudit, dikaji semula memandang kepada pendedahan yang dibuat di dalam Kertas Putih Kerajaan mengenai Bank Rakyat tentang oditan tidak cekap (incompetent auditing) oleh Syarikat Kassim, Chan & Co. yang merupakan salah satu sebab yang mengakibatkan Bank Rakyat mengalami kerugian.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 27 anak-anak syarikat awam dan agensi-agensi Kerajaan yang diodit oleh Syarikat Kassim, Chan & Co. Setakat ini didapati bahawa kerja-kerja mereka adalah memuaskan dan oleh itu, Kerajaan tidak berhajat menyemak atau mengkaji semula akaun-akaun yang telah diluluskan pada masa lalu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Laporan atau Kertas Puteh ada membuat satu kesimpulan bahawa antara sebabnya kerugian yang dialami oleh Bank Rakyat ialah kecuaiian oleh Akauntan yang tersebut iaitu Kassim, Chan & Co. dan oleh kerana ada berlaku conflict of interest di mana Kassim, Chan & Co. ada mendapat pinjaman daripada Bank Rakyat, adakah pihak Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan undang-undang untuk mendapat balik kerugian-kerugian yang patut ditanggung oleh Kassim, Chan & Co. atas professional negligence supaya kerugian yang dialami oleh rakyat tidak begitu berat.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya Code of Ethics yang berkaitan dengan conflict of interest atau vested interest sesuatu syarikat odit di dalam mana-mana syarikat yang dioditnya memang ada tertera di dalam Code of Ethics, Persatuan Odit-odit ataupun Persatuan Akauntan. Jadi setakat pengetahuan saya bahawa apabila apa-apa tindakan hendak diambil ke atas sesuatu syarikat odit seperti Syarikat Kassim, Chan & Co. ini maka terpulangnya kepada client iaitu syarikat yang telah dioditnya untuk mengambil apa-apa tindakan dengan membuat aduan kepada persatuan kerana persatuan yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan dari Timbalan Menteri Kewangan di mana tindakan diserahkan balik kepada Persatuan Akauntan ini, adakah Timbalan Menteri sedar dalam Malaysia ada beberapa akauntan-akauntan dalam persatuan ini yang ada berniaga bersama dan tidak ada hati mahu mengambil tindakan. Dengan izin, because of business competition it is not nice to take action. Oleh sebab itu, persatuan tidak boleh mengambil tindakan, apakah langkah boleh diambil oleh Timbalan Menteri Kewangan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tindakan yang pertama daripada clientnya sendiri dahulu. Kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, setakat masalah Kassim, Chan & Co. ini, saya difahamkan persatuan sedang membuat penyasiatan atas perkara ini, tetapi saya tidak faham sama ada, dengan izin, have no heart to take action, itu saya tidak sedar tentang perkara ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana yang didakwa oleh wakil dari Kluang bahawa salah satu sebab kerugian yang dialami oleh Bank Rakyat kerana auditornya dari Syarikat Kassim, Chan & Co. Apakah Syarikat Kassim, Chan & Co. ini juga menjadi auditor kepada Bank Buruh yang juga mengalami kerugian berjuta-juta ringgit itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan Ahli Yang Berhormat dari Kluang tetapi Yang Berhormat dari Petaling yang bercakap itu. Ini untuk rekod sahaja. Sila.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Saya rasa tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa terpulangnya kepada client untuk mengambil tindakan. Oleh kerana ada dua sebab mengakibatkan kerugian, yang pertama negligence atau kecuaiian professional yang dikatakan dalam Kertas Putih dan keduanya ada conflict of interest. Oleh kerana client ialah Bank Rakyat dan sekarang diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan—sekarang tanggungjawab itu terpulang kepada Kerajaan Persekutuan, adakah Kerajaan sekarang yang mengambil alih pengurusan client ini ialah Bank Rakyat untuk mengambil tindakan bagi mendapatkan balik kerugian-kerugian atau dapat gantirugi supaya boleh meringankan kerugian-kerugian itu.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya secara langsung bukanlah Kerajaan mengambil alih client itu sendiri, tetapi seperti saya katakan tadi

perkara ini sedang disiasat oleh Persatuan Akauntan sendiri dan saya percaya apa-apa juga tindakan kalau pun diambil kemudiannya, mungkin ada pertaliannya dengan penyiasatan ini.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tindakan itu diambil oleh Persatuan Akauntan, sudah tentu ini tindakan-tindakan tersendiri untuk kepentingan persatuan itu tetapi masalahnya sekarang, apakah tindakan Kerajaan demi untuk kepentingan Bank Rakyat itu sendiri ke atas syarikat ini akibat daripada salah guna yang dilakukannya.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini tidak lagi menjadi juru odit kepada Bank Rakyat. Ia telahpun diganti dengan syarikat yang lain.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, memandangkan kita sudah memperolehi satu pengajaran dari Bank Rakyat kerana Kassim, Chan & Co., sudah menjadi sebuah badan odit dan sekarang ada 27 badan adalah didit oleh syarikat yang sama. Maka demi kepentingan negara kita dan badan-badan yang ada terlibat adakah Kementerian Keuangan akan mengambil satu tindakan untuk memberhentikan perkhidmatan Kassim, Chan & Co., ini supaya tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk siasat kebolehan dan prestasi syarikat ini supaya peristiwa Bank Rakyat ini tidak akan berlaku lagi.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bagi 27 anak-anak syarikat agensi-agensi badan awam setakat ini mengikut prestasi odit yang telah dilakukan 5 tahun yang lalu ataupun semasa yang lalu Kerajaan berpuas hati dan tidak perlu diambil apa-apa tindakan ke atas 27 yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya tidak boleh dapat satu jawapan yang tepat. Adakah Kerajaan bagi pihak Bank Rakyat yang sekarang bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini dan kepada rakyat hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap Kassim, Chan & Co. atas kecuaiannya profesyen itu. Adakah tindakan ini sekarang tunggu hingga siasatan Persatuan Akauntan-akauntan dan

Juruodit-juruodit atau pihak Kerajaan ber-sendirian siasat sama ada ambil tindakan undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebahagian daripada soal itu sudah dijawab bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan Kerajaan mengambil alih, yang lain itu boleh dijawab.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terpulanglah kepada Bank Rakyat sebagai client untuk mengambil apa-apa juga langkah yang diperlukan untuk tindakan jikalau perlu dianggap begitu.

#### PENETAPAN BULAN PUASA DAN 1 SYAWAL

**15. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tarikh penetapan 1 haribulan Syawal yang berlainan di antara Malaysia dan Singapura telah menimbulkan sedikit kekecohan di negeri Johor, jika ya, peranan yang akan dimainkan oleh Kementerian beliau semoga tarikh penetapan bulan puasa dan 1 Syawal di antara negara-negara ASEAN dapat diselaraskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tahu tentang kekecohan di kalangan umat-umat Islam di Johor akibat daripada penentuan 1 haribulan Syawal yang berlainan antara Malaysia dan Singapura. Ini adalah disebabkan oleh kerana Malaysia menentukan 1 Syawal dengan menggunakan rukyah sedangkan Singapura pula menggunakan kiraan hisab. Tetapi, saya suka menegaskan di Dewan ini, bahawa perkara ini adalah hak istimewa Majlis Raja-raja Melayu, maka adalah di luar tanggungjawab dan kemampuan Kementerian saya memainkan apa-apa peranan atas perkara ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan sentiasa bekerjasama untuk mengatasi masalah ini setakat mana yang boleh.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ketetapan puasa dan hari raya bolehkah pihak Kementerian Luar Negeri berhubung dengan negara Saudi Arabia meminta supaya kita diberitahu bila

jatuhnya awal puasa dan hari raya seperti yang kita lakukan pada ketika menyambut Hari Raya Haji iaitu jatuh sehari selepas hari Wukuf, jadi kalau kita hari raya pun barangkali sehari selepas Saudi Arabia. Kalau kita sudah ada petua macam itu barangkali boleh Kementerian ini menasihati pihak Majlis Raja-raja mengenai perkara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenar sekali atas anjuran kita di peringkat negara-negara Islam satu mesyuarat telah diadakan di Kuala Lumpur pada 21 sampai 27hb April, 1969, yang mana soal menentukan tarikh mula puasa dan hari raya telah dibincangkan. Jadi ketetapan, awal bulan Ramadhan atau Syawal itu hendaklah ditentukan dengan cara rukyah; itu mengikut persetujuan persidangan itu, tetapi sekiranya anak bulan sukar dilihat maka cara kiraan hisab hendaklah digunakan. Kemudian kita ada pula persidangan di Istanbul, yang mana tujuannya adalah sama, iaitu pada 22 sampai 30hb Mei, 1978 dan mesyuarat ini, dihadiri oleh pakar-pakar khusus mengenai tarikh awal puasa dan Syawal dan keputusannya ialah mesyuarat ini bersetuju supaya tarikh awal puasa dan Syawal itu diselaraskan. Jadi setakat itulah, apa yang kita dapat pada hari ini.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah yang timbul di negeri Johor berkenaan dengan sambutan hari puasa ini dan juga hari raya, satu masalah juga telah timbul iaitu mereka yang menyambut puasa di Eropah apabila mereka balik ke Malaysia mereka pada hari yang akhir puasa tidak boleh berpuasa kerana mereka telahpun berpuasa 30 hari dan mereka juga tidak boleh makan oleh kerana mereka berada di Malaysia, jadi pada hari itu mereka tidak puasa tetapi boleh makan. Bagi mengatasi masalah ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri sama ada Kementerian ini bercadang untuk mengadakan satu seminar bagi kesemua sekali negara-negara Islam dalam dunia ini bagi kita menetapkan tarikh puasa dan juga hari raya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan petua ini tidak patut diminta daripada Kementerian Luar Negeri. Berapa seminar pun kalau tidak hendak ikut, tidak jalan juga.

## PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM NILAM PURI

**16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah perkembangan telah tercapai dalam rancangan menjadikan Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri sebahagian daripada Cawangan Kampus Universiti Malaya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, pada dasarnya Kerajaan telahpun menerima Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri dijadikan sebahagian daripada Cawangan Kampus Universiti Malaya.

Buat masa ini pihak Universiti Malaya dan Kerajaan Kelantan sedang berusaha untuk memilih tapak yang sesuai untuk dijadikan kampus Pusat Pengajian Islam itu nanti.

Dua tempat di Kelantan telah dicadangkan untuk dijadikan Kampus Pusat Pengajian Islam ini pada awal bulan November ini. Satu pasukan pakar sains dan sains sosial Universiti Malaya akan melawat kedua-dua tempat yang dicadangkan ini untuk menjalankan pengajian yang lebih teliti.

## SEKOLAH VOKESYENAL/ MAKTAB PERGURUAN

**17. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah Sekolah Vokesyenal, Maktab-maktab Perguruan, Sekolah-sekolah Teknologi dan Maktab-maktab Kejururawatan di negara kita. Bolehkah beliau memberi angka-angka pecahan pelajar-pelajar mengikut kaum di negara ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, pada masa ini ada 29 buah Sekolah/Vokesyenal/Teknik dan 2 buah Politeknik dengan bilangan pelajar seperti berikut bagi seluruh negara:

<i>Bumiputra</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
11,175	1,582	460	38

Mengenai Maktab Perguruan pula, ada 25 buah maktab iaitu 19 buah di Semenanjung, 3 buah di Sabah dan 3 buah di Sarawak.

Untuk Semenanjung dan Sabah bilangan pelajar mengikut kaum adalah seperti berikut:

<i>Bumiputra</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
9,570	1,815	393	28

Kementerian saya tidak dapat membekalkan angka-angka mengikut pecahan kaum bagi negeri Sarawak kerana maklumat tersebut tidak ada di dalam simpanan dan sedang dikumpulkan. Sungguhpun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari jumlah 1,553 orang pelajar di 3 buah maktab di Sarawak dianggarkan 76% adalah kaum bumiputra, 14% China, 0.4% India dan baki-nya adalah terdiri dari lain-lain kaum.

Bilangan Maktab-maktab Kejururawatan dan Teknik di bawah Kementerian Kesihatan di negara ini ialah 29 buah.

Bilangan pelajar mengikut kaum adalah seperti berikut:

Di Semenanjung—

<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
2,195	515	251	12

Di Sarawak—

<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>Bidayuh</i>	<i>Iban</i>	<i>Melanau</i>	<i>Lain-lain</i>
94	96	76	61	35	35

Di Sabah—

<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>
253	105

Kementerian saya tidak dapat memberi pecahan mengikut kaum di Sabah dengan lebih terperinci kerana maklumat-maklumat tersebut tidak ada di dalam simpanan Kementerian berkenaan.

## BUKAN-BUMIPUTRA KE PUSAT PENGAJIAN TINGGI

**18. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada penambahan 2% lagi kepada quota yang sedia dan mengenai kemasukan bukan-Bumiputra ke pusat-pusat pengajian tinggi didasarkan kepada komposisi kaum itu akan menjejaskan usaha Kerajaan selama ini untuk mengimbangkan Bumiputra dalam bidang pelajaran dan pekerjaan, jika ya, kenapakah perkara-perkara yang seperti itu patut berlaku.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, penambahan 2% lagi kepada quota kemasukan bukan Bumiputra ke pusat-pusat pengajian tinggi tidak akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk mengimbangkan penyertaan Bumiputra dalam bidang pelajaran dan pekerjaan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan suatu laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat MCA baharu-baharu ini ialah mengikut formula 2% ini. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana kenyataan itu dikeluarkan?

**Tuan Chan Teck Chan:** Pada minggu yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, di mana?

**Tuan Chan Teck Chan:** Dalam Nanyang and Sin Chew Jit Poh. Itu satu kenyataan rasmi katanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 23 tidak membenarkan soalan dibangkitkan sama ada benar atau tidak sesuatu yang dinyatakan dalam akhbar. Saya tidak benarkan!

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya tidak bertanya benar atau tidak benar. Menurut kenyataan ini Kerajaan akan mencapai satu matlamat ialah pada tahun 1983 iaitu bilangan bukan Melayu ialah 55% dan 45% untuk Melayu. Ini mengikut formula 2% itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, soalan tambahannya apa?

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan saya ialah mungkinkah Kerajaan akan mencapai matlamat 55% dan 45% pada tahun 1983, sepertimana yang diumumkan oleh MCA?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara berkaitan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kalau tidak silap saya pada 23hb Oktober, 1979 kepada Yang Berhormat dari Ipoh dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pada tarikh yang disebutkan bahawa Yang Berhormat Menteri menafikan bahawa ada apa-apa persetujuan atau matlamat ditentukan bahawa pada beberapa ketika peratus-peratus untuk pelajar-pelajar Melayu ialah 45% dan bukan Melayu 55% dalam 5 tahun atau 7 tahun. Adakah ini bererti bahawa kenyataan-kenyataan yang seringkali dikeluarkan oleh Pemimpin-pemimpin MCA dalam akhbar-akhbar atau bukan dalam akhbar kepada Cawangan-cawangan satu perkara yang bohong.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, itu fikiran dia.

**Tuan Chan Teck Chan:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 19 dan 20 adalah diberi di bawah ini*)

### TARIKH PUASA/HARI RAYA

**6. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** bertanya kepada Perdana Menteri adakah beliau sedar akan persoalan-persoalan dan kerumitan-kerumitan yang timbul disebabkan penetapan tarikh berpuasa dan berhariraya di Malaysia ini, khususnya di Sabah, disebabkan oleh kesulitan perhubungan umat Islam yang duduk di luar bandar, ada yang berpuasa dan berhariraya dahulu dan kemudian. Jika sedar adakah cadangan beliau untuk mengatasinya dan tidakkah boleh diambil kata sepakat pemimpin-pemimpin Islam di seluruh dunia untuk mengkaji dan menetapkan tarikh berpuasa dan berhariraya tiap-tiap tahun, khususnya di negara-negara Tenggara Asia untuk mengujudkan perpaduan umat Islam.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Majlis Raja-raja telah memutuskan bahawa kaedah menentukan tarikh mula berpuasa dan hari raya adalah secara rukyah atau melihat anak bulan dan keputusan ini adalah muk-tamad. Kaedah yang digunakan ini sebenar-

nya tidaklah mendatangkan kesukaran yang besar kerana pengumuman mengenai tarikh mula berpuasa dan berhariraya ini dibuat melalui radio, televisyen dan lain-lain alat sebaran am.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa Persidangan di antara negara-negara dan pakar-pakar Islam bagi membincangkan perkara tersebut telah diadakan pada masa yang lepas. Dalam satu mesyuarat telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada bulan Julai 1978 di antara ulamak tiga negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura, persetujuan telah dicapai untuk bekerjasama dan memberitahu antara satu sama lain mengenai penetapan tarikh-tarikh berpuasa dan berhariraya di negara masing-masing. Walau bagaimanapun, ini tidaklah pula menghalang sesebuah negara yang lain untuk berpegang kepada cara penentuannya sendiri.

### UNIVERSITI/POLITEKNIK— MENUBUHKAN

**19. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada memandangkan bayaran untuk pelajaran tinggi di negara-negara asing telah menambah dengan begitu teruk, Kerajaan akan menimbang untuk menubuhkan lebih banyak lagi universiti-universiti dan politeknik-politeknik supaya menampung keperluan untuk pelajaran tinggi, jika ya, nyatakan bilangan universiti-universiti dan politeknik-politeknik yang akan ditubuhkan; dan sama ada beliau juga akan menimbang untuk membenarkan universiti-universiti swasta diwujudkan kerana universiti-universiti swasta juga boleh turut membantu menampung keperluan untuk pelajaran tinggi.

**Dato' Chan Siang Sun:** Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) Kerajaan bercadang untuk membina lima buah lagi Politeknik. Bersama dengan dua buah yang ada sekarang ini maka jumlahnya ialah tujuh. Kerajaan juga bercadang untuk membina 32 buah lagi Sekolah-sekolah Menengah Vokasional di seluruh negara dalam tempoh RME ini. Kerajaan juga mungkin memulakan rancangan untuk sebuah lagi universiti di dalam RME jika perlu.

## MINYAK DIESEL/TANAH— KEKURANGAN

**20. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan minyak diesel dan minyak tanah masih lagi wujud setakat ini. Kalau ya, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian beliau di dalam soal ini dan apakah kesan-kesan yang didapati melalui usaha-usaha tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 17/10/1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari kedua).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

*Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12, B.13 dan B.14 (Jadual)—*

*Maksud P.8, P.9 dan P.10 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

**Tuan Pengerusi:** Majlis sekarang menimbang Peruntukan Perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri iaitu Maksud B.1 hingga B.14 dan Maksud Pembangunan P.8, P.9 dan P.10 dan saya akan meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawabnya selewat-lewatnya pukul 5.30 petang ini. Oleh sebab itu, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap tolong ringkas dan ikut Peraturan 66, iaitu jangan pergi kepada dasar, saya akan tahan siapa Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap mengenai dasar, melainkan terus dirujuk kepada Peruntukan berapa, Maksud berapa, Projek yang ke berapa dan jumlahnya, kalau tidak akan membuang masa.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar semalam sudah bercakap panjang, saya benarkan 5 minit sahaja untuk hari ini menyambung ucapannya.

*3.35 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. P.8 butiran (Projek) 3—Penilaian punca-punca Alam Semulajadi. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana walau macam mana banyak pun punca-punca semulajadi yang keluar daripada negara kita, khususnya saya berse-tuju di sini petroleum. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap kalau boleh PETRONAS selain daripada menyiasat di tempat-tempat lain tolonglah siasat semua laut-laut yang ada di Malaysia, termasuklah laut yang dekat dengan Perlis. Jadi, saya berpendapat kalau di Trengganu dan di negeri-negeri lain ada sumber-sumber minyak atau petroleum boleh jadi kalau dikaji sedalam-dalamnya harus di pihak utara termasuk Kedah, Perlis dan Perak harus terdapat macam mana terdapat di Trengganu. Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat bagi pihak PETRONAS mengkaji dengan sedalam-dalamnya moga-moga dapat perkara yang saya maksudkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat kalau boleh segala hasil-hasil kajian alam ini keluar daripada negara kita baik pun dari petroleum begitu juga bijih timah dan sebagainya kalau-lah boleh diperosakkan kesemuanya di sini dan tidak payah kita hantar ataupun eksport ke negeri lain. Kalau tidak silap saya 18% atau 53% di eksport ke negeri Jepun tetapi kesimpulannya bahan-bahan ataupun punca-punca alam ini saya sebutkan tadi dieksport

ke negeri lain. Walhal kita tahu perkara ini amatlah rumit hendak memprosesnya di negara kita tetapi sebagai satu negara yang telah merdeka, saya berpendapat bagi jangka panjang patutlah kita memproses sendiri walaupun payah kerana di samping kita memproses sendiri, saya yakin kita banyak dapat keuntungan daripadanya. Satu, kita dapat mengadakan pekerjaan. Pada pendapat saya hendak mencari pakar peroses adalah susah sedikit. Saya percaya, Tuan Pengerusi, selain daripada kita dapat minyak yang asli tentulah juga bahan-bahan serpihan cahaya minyak dan sebagainya boleh digunakan berbagai-bagai perkara. Kalau tidak silap saya ada setengah orang mengatakan salah satu daripadanya pakaian kita juga dibuat daripada bahan-bahan petroleum. Kalau terkena api dia menyala dengan segera. Jadi ini adalah datangnya daripada bahan-bahan yang setengahnya daripada minyak asli, minyak yang boleh digunakan berbagai-bagai perkara. Dengan sebab itu, saya berharap, walau pun payah, saya mengaku payah dalam jangka panjang patutlah kita proseskan di negeri kita sendiri dan janganlah dieksport banyak sangat. Kita banyak bahan, semua kita eksport sedangkan kalau kita buat sendiri banyak mendapat untung.

Tuan Pengerusi, serba ringkas saya pergi kepada B.10, Jabatan Kehakiman. Saya juga sokong pendapat kawan-kawan saya petang semalam berkenaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia. Itu patut sangat kerana kita telah Merdeka 23 tahun, lagi pun amat pelek, Tuan Pengerusi, tentang Mahkamah ini, Mahkamah Rendah baik yang sentiasa menggunakan selain daripada Bahasa Malaysia.

Yang peleknya, Tuan Pengerusi, yang membawa kes kebanyakan ada berbagai-bagai bangsa tetapi menggunakan bahasa lain. Tetapi yang terkena dengan kes misalnya pesalah ada berbagai-bagai bangsa, ada Melayu, ada bangsa-bangsa lain, kita tahu kebanyakan semua bangsa dalam Malaysia ini telah menjadi adat banyak yang tahu Bahasa Malaysia sebab demi perniagaan dan sebagainya. Alangkah peleknya semasa perbicaraan dijalankan orang yang terkena dengan kes ini tidak tahu apa yang dicakap oleh peguam ataupun yang dicakapkan oleh hakim. Jadi dia kadang-kadang bila dengar pun dengar macam orang dengar, maaf, Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi:** Di mahkamah ada Juru-bahasa?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ada Jurubahasa.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tetapi walaupun ada tidak begitu puas hati. Saya ingat kalaulah boleh direct, dengar secara terus, itu lebih baik lagi. Dengan sebab itu, saya berpendapat sebagaimana yang dikatakan oleh kawan-kawan saya petang semalam saya setuju sangatlah dan bersesuaian sangatlah apa yang didengar itu dengan tidak payah pakai Jurubahasa, apatah lagi yang membawa kes itu daripada orang Malaysia sendiri dan kita berasa bangga kebanyakannya ialah daripada orang Melayu sendiri yang menjadi Hakim Besar dan sebagainya. Dengan sebab itu sebagaimana dikatakan oleh saudara-saudara saya petang semalam saya fikir amatlah bersesuaian.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di segi mahkamah ini terlampau banyak kes yang belum selesai. Kadang-kadang sampai empat tahun, bila satu kes itu bersabit banyak. Ada kes yang boleh dijamin oleh pihak yang berkenaan dengan geran dan sebagainya bolehlah pihak yang bersalah tadi, pihak yang berkenaan yang ditangkap tadi bersalahnya atau tidak selepas dihukum oleh hakim. Itu pendapat saya. Tetapi sebelum dihukum kita tidak tahu dia bersalah atau tidak bersalah. Tetapi walau bagaimanapun setengah daripadanya tidak boleh dijamin terpaksalah hamba Allah itu duduk dalam lokap dan sebagainya sampai bertahun-tahun. Jadi dengan sebab itu, saya berharap Kementerian yang berkenaan mencari jalan supaya segala kes-kes ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh kerana macam mana saya katakan tadi banyak sangat terlibat apatah lagi yang bersalah tadi dengan gerannya, dengan jaminan dan sebagainya dan kadang-kadang kita belum tahu dia salah atau tidak salah, dengan sebab itu dia tidak boleh hendak memohon apa-apa jawatan kalau ia berjawatan dan begitu juga kemudahan-kemudahan yang lain kerana dia di segi dalam mahkamah, walhal kesalahan belum...

**Tuan Pengerusi:** Cukup, cukup. Saya hendak menunggu bila habis ayat tetapi tidak habis-habis juga. Masa sudah cukup!

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Dia punya "dan" dan "supaya" tidak habis-habis. Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.45 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Pengerusi, saya mahu sebut beberapa perkara sahaja. Yang pertama saya mahu sebut Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 1100, Aktiviti (iv)—Kajian Semula Bahagian Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, kali yang terakhir di mana Kajian Semula Bahagian Pilihanraya diadakan ialah dalam tahun 1974. Dan mengikut Perlembagaan satu kajian akan dijalankan sekurang-kurangnya selepas lapan tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun. Ertinya ialah satu kajian akan diadakan selepas tahun 1982 tetapi dalam Budget ini kita nampak ada satu peruntukan untuk Kajian Semula Bahagian Pilihanraya. Saya harap boleh dapat satu penjelasan kenapa satu kajian atau peruntukan untuk kajian-kajian ini diperuntukkan begitu awal. Soalan ini sangat mustahak khasnya selepas pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Kelantan pada tahun ini, kalau tidak silap pada bulan Mac atau Februari, bahawa dalam Kajian Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Ulu Kelantan akan mengadakan kawasan-kawasan Parlimen satu atau dua lebih dan State Assembly dua hingga empat ditambah. Perkara ini melibatkan perkara kebebasan (independence) Suruhanjaya Pilihanraya. Oleh kerana kalau kita mahu mengadakan satu sistem demokrasi yang dipercayai oleh rakyat sangat mustahak bahawa Suruhanjaya Pilihanraya satu badan yang bebas yang tidak boleh dipengaruhi atau diarah oleh sesiapa yang memegang kuasa. Tetapi kalau seorang Menteri Kewangan seorang yang kuat dalam Kerajaan Federal fikir bahawa oleh kerana ini adalah Kerajaan Barisan Nasional dan tidak ada apa-apa silap di mana Kerajaan Barisan Nasional memberi panduan-panduan ataupun arahan-arahan kepada Suruhanjaya bagaimana untuk kaji semula Bahagian-bahagian Pilihanraya, saya rasa ini menunjukkan bukan sahaja arrogance of power yang mahu tunjuk kuasa sahaja, Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada lain pilihan daripada ikut arahan dan kedua pun saya rasa merendahkan Suruhanjaya Pilihanraya.

Kedua, dalam menjalankan Kajian-kajian Semula Bahagian Pilihanraya, saya harap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan mengikut prinsip-prinsip, one man one vote system—sistem seorang satu undi tidak akan berlaku di mana ada kawasan-kawasan semacam sekarang kawasan saya Petaling ada lebih daripada 90,000 pengundi-pengundi tetapi ada kawasan dalam Semenanjung—saya tidak mahu sebut kawasan-kawasan dalam Sarawak atau Sabah, dalam Semenanjung ada kawasan-kawasan lebih sedikit daripada 20,000 pengundi-pengundi sahaja. Tidak semua boleh faham, tentulah bahawa kita tidak boleh sampai satu pembahagian di mana semua kawasan-kawasan ada bilangan pengundi-pengundi yang sama tetapi sekurangnya tidak boleh ada perbezaan yang begitu besar di mana penduduk-penduduk di Petaling contohnya mereka sebenarnya ada hak untuk memilih empat, lima orang Wakil Rakyat tetapi sekarang satu orang sahaja. Ini satu kelemahan (defect) yang besar dan saya harap dalam kajian pembahagian Pilihanraya bahawa kajian-kajian yang baru akan mengikut prinsip one man one vote dan tidak mencabuli prinsip ini. Ini bukan sahaja mustahak daripada segi menegakkan sistem demokrasi, lebih mustahaknya ialah untuk menentukan bahawa sesiapa yang memerintah ada legitimacy daripada segi demokrasi. Kalau tidak di mana kawasan-kawasan yang ada penduduknya yang terbesar sekali, terbanyak sekali tidak diasingkan dan sesiapa yang memerintah dapat kawasan-kawasan yang majoriti tetapi tidak dicerminkan dengan penduduk-penduduk yang terbanyak. Saya rasa ini bukan sahaja menimbulkan soalan legitimacy Kerajaan tetapi lebih mustahaknya dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa menimbulkan masalah-masalah perpaduan negara oleh kerana . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini Yang Berhormat merupakan lebih dasar, polisi lebih daripada . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kajian iaitu prinsip-prinsip.

**Tuan Pengerusi:** Duduk dahulu! Saya bercakap duduk. Kajian ini memang termasuk di dalam dasar juga, boleh masukkan dasar. Tetapi kalau mengatakan kajian semula ini dikatakan sesuatu dijelaskan, sesuatu yang ditentukan dengan perinciannya, itu boleh tetapi kalau memandangkan apa

yang telah Yang Berhormat lafazkan tadi itu merupakan lebih daripada dasar. Itu masa perbincangan 11 hari dahulu. Itu yang boleh. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, apa yang saya sentuh ialah mengenai kajian-kajian dan panduan-panduan dan garis-garis yang patut diingat oleh Suruhanjaya Pilihanraya apabila menjalankan kerja Kajian Semula Bahagian Pilihanraya . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang itu saya sudah benarkan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Specific sahaja kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang itu saya sudah benarkan tetapi lepas itu mula melarat. Apabila saya biarkan lagi meluas lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! tidak. Oleh kerana ini satu kajian. Sungguhpun kajian kawasan-kawasan melibatkan perkara yang sangat basic, perkara apa ertinya demokrasi dan legitimacy Kerajaan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Latitude, legitimacy memang saya tinggikan atau lebihkan juga, tetapi jangan melebihi-lebih sangat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, terima kasih dan saya haraplah bahawa Suruhanjaya Pilihanraya apabila menjalankan tugas itu boleh mengambil perhatian oleh kerana tugasnya bukan sahaja bagi kawasan baru tetapi juga ada satu peranan yang sangat penting untuk menentukan sama ada demokrasi berparlimen akan kekal atau tidak.

Tuan Pengerusi, saya mahu sebut perkara B.10—Jabatan Kehakiman, Butiran (Kod) 1100 khasnya mengenai apa yang disebut panjang lebar semalam mengenai penggunaan bahasa dalam mahkamah.

Tuan Pengerusi, yang pertama tidak boleh dinafikan semalam khasnya Yang Berhormat dari Pasir Puteh dengan secara langsung atau tidak langsung ada melanggar Standing Orders di mana beliau ada sebut conduct seorang judge dalam perkara ini, tetapi apa yang saya bincang di sini, saya tidak mahu sebut sesiapa, judge atau lain-lain orang

tetapi perkara penggunaan bahasa. Tuan Pengerusi, sangat mustahak bahawa dalam menjalankan tugas-tugas yang diberi kepada Jabatan Kehakiman ialah untuk menentukan bahawa keadilan (justice) terjamin. Sungguhpun kita semua menerima tanpa apa-apa syarat (unqualified) bahawa Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan, Bahasa Rasmi, tetapi perkara penggunaan bahasa Inggeris dalam proses kehakiman satu perkara yang perlu dititikberatkan dan dikaji daripada segi bukan sahaja practicality tetapi juga daripada segi justice. Kita semua tahu bahawa semua cases, precedent yang kita gunakan dalam bahasa Inggeris, semua buku-buku, laporan-laporan law dalam bahasa Inggeris. Kita janganlah membiarkan emosi atau apa-apa faham extremist untuk mempengaruhi kita dalam masalah ini dan sangat bersangkutan-paut dengan perkara ini ialah sama ada basic law kita ialah common law ataupun Islamic law. Kalau basic law kita ialah common law, kita tidak boleh pisah dari precedent beratus-ratus tahun yang ada dan kalau kita . . . .

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya pihak yang berkenaan, apakah bahasa menjadikan satu sebab keadilan di dalam perbicaraan itu atau tidak akan menjadikan satu perkara yang adil. Atau apakah dengan menggunakan bahasa Inggeris sahajakah sesuatu keadilan itu akan tercapai di dalam satu-satu perbicaraan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat yang bertanya tidak tahu masalah ini, dia cuma mahu berpura-pura keliru sahaja. Jawapannya sangat senang oleh kerana semua laporan-laporan, cases beratus-ratus tahun dalam bahasa Inggeris dan di dalam masa ini dan mungkin untuk masa yang agak panjang. Inilah . . . .

**Tuan Pengerusi:** Kalau saya bertanya Yang Berhormat, kalau ada perselisihan di dalam perbicaraan yang Akta itu naskah sahnya Bahasa Malaysia, bagaimana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi ada dalam bahasa Inggeris dan ada interpretasi perkataan-perkataan dan lain-lain. Dan sebab itu, saya bertanya, adakah basic law kita common law atau Islamic law dan kalau Islamic law, mungkinlah akan berlaku satu pertukaran yang besar, satu break yang besar, tetapi common law, basic law kita tidak boleh berpisah daripada penggunaan bahasa Inggeris. Kita bincang ini bukan mahu emosi dan apa-apa tetapi harap berbincang dengan rational dan pragmatic, dan mungkin ada satu jalan ialah bahawa basic law ialah Islamic law, itupun ada seruan-seruan, tetapi saya harap supaya pihak yang berkenaan khasnya pihak yang berkuasa akan menitik-beratkan oleh kerana sungguhpun dalam negara kita Islam Ugama Rasmi, Malaysia bukan Islamic State. Itulah satu kenyataan yang kita mesti terima; itu satu prinsip yang termaktub ini dalam Perlembagaan dan kalau ada perubahan mahu ada Islamic law, mahu ada Islamic State satu prinsip cardinal dalam Malaysia sudah dicabuli dan saya fikir . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu sudah masuk dasar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu sebab bahasa mengikut Inggeris, ini sangat mustahak, saya bukan mahu . . .

**Tuan Pengerusi:** Jaga baik sempadan dasar dengan Jawatankuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan inilah . . . .

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Untuk penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan di bawah 37 (a) atau (b). Ahli Yang Berhormat ini memang suka bercakap panjang.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Mengenai konsep common law ini diamalkan di dalam negara kita. Adakah sesuatu common law itu mesti terikat kepada tradisi-tradisi perundangan Inggeris ataupun kita boleh mewujudkan satu common law yang tersendiri untuk negara ini iaitu setelah kita merdeka selama 21 tahun? Jadi, boleh diwujudkan satu common law yang bebas daripada tradisi Inggeris yang kita harus usaha ke arah itu dalam peringkat keadaan yang

ada dalam negara kita. Jadi, adakah common law seperti itu bergantung kepada bahasa Inggeris?

**Tuan Pengerusi:** Bagaimana saya kata tadi itu sudah masuk kepada dasar. Saya tak benarkan dia jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Oleh kerana ada perbahasan yang panjang lebar mengenai penggunaan bahasa Inggeris, sebab itu yang terlibat, bukan sahaja mahu atau tidak, jujur atau tidak dalam bahasa Inggeris.

Saya harap kalau boleh kita masa depan ada satu peluang bincang perkara ini tetapi jangan gunakan emosi, anti-nasional, anti-bahasa atau sebagainya. Kalau mereka buat begitu, mereka sudah bankrap. Tuan Pengerusi, penjelasan itu tidak boleh disebut, saya tidaklah akan jawab.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tanya di luar Dewan selepas Jawatankuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Luar Dewan, tetapi untuk orang ramai sangat mustahak.

**Tuan Pengerusi:** Itu patut bercakap dahulu masa 11 hari berbincang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan saya minta satu penjelasan atau satu ruling kalau saya tak silap dalam Standing Orders mengatakan dalam Committee Stage dasar (service) itu boleh dibahaskan, bukan dasar umum, dasar service dan dasar service ini di bawah Jabatan Kehakiman termasuk penggunaan bahasa Inggeris. Sebab itu semalam kita dengar begitu panjang lebar Ahli Yang Berhormat yang bercakap dalam perkara ini tidakpun ditahan dan saya rasa ini dasar spesifik dasar dalam service ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya tak tegah Ahli Yang Berhormat masa bercakap mengenai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, itu betul service. Tetapi bila sudah melarat dasar pemerintahan, dasar am, tak boleh dan faham saya yang berlaku mesti diputuskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengikut Standing Orders, saya mestilah patuh kepada keputusan Tuan Pengerusi sungguhpun saya tidak setuju kepada keputusan itu.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak bersetuju, boleh bawa satu usul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payah sampai ke peringkat itu.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi saya mesti jelas-kannya. Duduk dahulu! Yang saya katakan itu memang dasar service, sebab itu saya benarkan. Ini Yang Berhormat bercakap tentang Bahasa Melayu, bahasa Inggeris tetapi bila sudah melarat kepada Common Law, Islamic Law dan kepada yang lain, itu sudah melarat kepada dasar am. Itu bezanya, mesti ada sempadannya dan saya yang menjaga sempadan itu. Yang Berhormat yang bercakap selalu tidak sedar, terlepas sempadan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan refer points yang lain. Saya refer B. 8 Jabatan Perdana Menteri Butiran 1100, Aktiviti (5)—Pentadbiran Ugama Islam. Satu perkara sahaja saya mahu sebut dalam bahagian ini ialah mengenai apa yang kita dapat tahu semalam daripada Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri bahawa dalam Jabatan Perdana Menteri ada menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji dan menyiasat bagaimana orang-orang yang bukan Muslim yang terlibat dalam khalwat boleh dihukum.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya mahu terangkan di sini saya bukan mahu jadi pembela orang-orang yang terlibat dengan peristiwa-peristiwa khalwat. Tetapi apa yang mustahak dalam perkara ini ialah saya mahu tanya yang pertama inipun melibatkan perkara yang basis mengenai asas pembinaan negara bahawa Undang-undang Muslim (Islam) tidak boleh sekat atau melibatkan orang-orang yang bukan Muslim. Dengan itu saya mahu tanya dengan apa kuasa atau hak satu Jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji bagaimana orang-orang yang bukan Muslim boleh dihukum atau didenda dalam perkara penglibatan peristiwa-peristiwa di dalam Undang-undang Muslim.

Saya rasa ini sudahpun menjadi satu pencabulan hak-hak Constitutional kita dan dengan itu saya di sini menyeru . . . . .

**Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Orang-orang yang bukan Islam mengikut Perlembagaan boleh semuanya dihukum kalau di-

jadikan kesalahan di bawah General Law, misalnya, khalwat, adultery di bawah minor offences, sama ada orang Islam atau bukan Islam sama seperti mengeluarkan kemaluan di hadapan orang ramai, adalah satu kesalahan, kencing di hadapan orang ramai adalah satu kesalahan; begitu juga rogol. Tidak kira apa bangsa atau agama. Itu saya fikir yang dicadangkan, tetapi belum dibawa lagi, maknanya sama ada Islam atau bukan Islam boleh dihukum mengikut Perlembagaan dan tidak salah, di bawah General Law bukan di bawah Muslim Law.

**Tuan Pengerusi:** Mengapa tidak dibuat selama ini? Bila melakukan maksiat, seorang kena hukum tetapi yang seorang lagi tidak. Sedap sama-sama, yang dihukum seorang sahaja kena (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan itu tetapi itu menunjukkan kalau kita mahu ada satu General Law yang melibatkan dalam morality badan-badan atau punca-punca untuk mengkaji ini bukan Pentadbiran Ugama Islam, bukan Religious Council oleh kerana itu bererti bahawa ini berpunca daripada fikiran-fikiran, desakan-desakan perbadanan atau badan Ugama Islam dan inilah yang salah, inilah yang melanggar prinsip-prinsip bahawa secara langsung atau tidak langsung Undang-undang Muslim (Islam) tidak boleh melibatkan. Inilah indirect.

Kalau mahu ada satu kajian adalah semua agama, semua kaum terlibat, ini saya rasa apa yang patut. Sebab itu saya buat satu seruan bahawa badan yang ada ditubuhkan yang diumumkan semalam oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio dan juga ada disebut oleh beliau kepada satu Conference Kadi-kadi di Johor dibubarkan dan ada satu badan lain di mana ada dianggotai oleh semua wakil-wakil semua agama dan lain-lain boleh dibincangkan. Kalau tidak saya rasa ini adalah tidak patut, tidak adil dan juga tidak menghormati semangat Perlembagaan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh P. 8, Butiran 13. Sebelum itu semalam dalam jawapan tambahan Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio telah mengatakan apa mahu takut kepada undang-undang yang sebenarnya untuk justice; siapa yang bersalah akan

dihukum. Pada prinsip itu benar tetapi saya tidak mahu melibatkan dengan Pentadbiran Ugama Islam dan apa-apa tetapi kita semua tahu perlaksanaan undang-undang baikpun perlaksanaan Undang-undang Islam atau bukan Islam boleh mengakibatkan injustice seperti khalwat. Orang-orang atasan, orang-orang yang kaya yang berkhalwat kita tidak nampak tersiar dalam suratkhbar. Adakah semua orang miskin, orang kecil sahaja yang berkhalwat? Orang-orang atasan, orang-orang kaya mereka berkhalwat dalam tempat yang sangat seronok tidak kena. Sebab itu janganlah kata takut undang-undang, semuanya untuk justice. Ini satu injustice.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada bersama-samakah? (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Bersama-sama dengan siapa?

**Tuan Pengerusi:** Ini yang tahu di mana khalwat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Tuan Pengerusi tengok?

**Tuan Pengerusi:** Yang mengatakan orang yang besar-besar ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak, tetapi mungkin Tuan Pengerusi tengok.

**Tuan Pengerusi:** Jadi ini agak-agak sahajalah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak agak-agak, tetapi kita tahu manusia tentu ada. Rakyat pun tahu, mungkin Tuan Pengerusi tidak tahu tetapi rakyat biasa tahu, kenapa khalwat orang-orang kecil sahaja yang dibawa ke mahkamah, mengapa orang-orang besar (ikan yu) yang berkhalwat tidak ditangkap?

Tuan Pengerusi, saya menyentuh P. 8, Butiran 13-Pusat Penyelidikan Ugama (Religious Research Centre). Saya tidak tahu sama ada Religious Research Centre ini ditumpukan kepada Islam sebagai agama rasmi atau melibatkan semua agama, tetapi kalau Pusat Penyelidikan Ugama ini melibatkan semua agama saya rasa ini satu usaha, satu ikhtiar yang sangat baik dan patut dipuji

oleh kerana dalam masyarakat kita yang berbagai agama saya rasa kita mesti cuba khususnya untuk membolehkan generasi muda mendapatkan unsur-unsur universal, unsur-unsur yang baik yang terdapat dalam semua agama supaya nilai-nilai unsur-unsur universal yang cenderung kepada "goodness" boleh jadi satu faktor untuk perpaduan, dan bukanlah kita mesti mengelakkan daripada satu keadaan di mana agama jadi satu faktor memecahbelahkan. Agama akan menjadi satu faktor memecahbelahkan kalau kita inculcate kepada anak-anak kita satu exclusist attitude bahawa tidak bertoleransi, tidak bertolakansur.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya harap kalau Pusat Penyelidikan Ugama ini boleh menjalankan tugas-tugas research atau tugas-tugas untuk meluaskan fahaman-fahaman bahawa seseorang yang menganut Islam tahu nilai-nilai lain-lain agama dan sebaliknya, penganut-penganut Buddhism, Christianity pun boleh faham pada unsur-unsur dan nilai-nilai Islam. Saya rasa ini kita akan berdepan lebih kepada perpaduan di negara kita khususnya sangat mustahak di dalam keadaan di mana keadaan serantau ini begitu tidak stable, kita mesti mencari semua peristiwa di mana faktor-faktor perpaduan boleh dikekalkan. Di sini saya berharap bahawa kita semua boleh mengelakkan daripada sikap extremist, fanatical, tidak bertoleransi yang nampaknya telah berlaku di Pulau Pinang di mana statue Kuan Yin yang akan dibina di Pulau Pinang mendapat tekanan bahawa statue Kuan Yin tidak patut dibina. Sungguhpun ini satu pelanggaran kebebasan beragama di tanah air kita dan akan mengakibatkan keraguan, kecurigaan di negara kita. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi satu penjelasan, satu kenyataan yang tegas bahawa tidak ada apa-apa tekanan atas apa-apa agama, apa-apa kepercayaan. Saya rasa ini sangat mustahak bahawa statue Kuan Yin di Pulau Pinang terus dibina.

Sekarang kita tahu tekanan-tekanan dibuat sehingga sekarang bahawa Jawatankuasa Pembinaan Kuan Yin diugut tidak boleh memberi kenyataan. Saya ada kepercayaan penuh kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tetapi saya berasa kesal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada di sini oleh kerana bahawa satu

kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mententeramkan perkara ini dan saya harap bahawa ianya tidak akan setuju keadaan di mana ada berlaku extremism keugamaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada B. 1-Parlimen. Parlimen adalah satu peranan yang mustahak dalam sistem kita supaya kita boleh mengadakan sistem demokrasi. Tetapi kalau Parlimen mahu memainkan peranan ini, saya rasa sangat mustahak bahawa kita mengadakan satu kajian di mana Parliamentary Reforms diadakan supaya Parlimen bukan jadi satu creature executive, bukan jadi satu boneka Kerajaan tetapi Parlimen mesti ada tempat peranannya sendiri. Sekarang tidak. Apa Kabinet sudah putus, Parlimen ikut. Sebenarnya Kabinet answerable kepada Parlimen dan bukan Parlimen answerable kepada Kabinet. Tetapi sekarang di Malaysia, Parlimen ialah rubber stamp, cop, cop, cop-Kabinet sudah putus semua. Apa keputusan datang ke Parlimen-cop, cop, cop. Adakah semua Ahli-ahli Yang Berhormat suka mahu jadi rubber stamp-tidak boleh apa-apa pandangan yang lain. Ini sudah jadi satu Dewan rubber stamp, bukan Dewan Rakyat-Dewan rubber stamp.

Ada banyak perkara di mana sangat mustahak kita bincangkan bagaimana Parlimen boleh memainkan satu peranan yang lebih positif, lebih constructive semacam mengadakan Jawatankuasa-jawatankuasa mengenai portfolio-portfolio tertentu seperti pelajaran, pertahanan, pertanian, kewangan di mana ahli-ahli Parlimen boleh specialise, boleh influence keputusan-keputusan. Sekarang kita tidak boleh nafikan, Parlimen tidak boleh influence (no decision influence) tidak boleh pengaruh keputusan-keputusan yang dibuat (decision making). Kita at the receiving end, lepas keputusan-keputusan dibuat. Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi pertimbangan kepada perkara ini, oleh kerana ini adalah sangat mustahak dan sangat mustahak bahawa Parlimen ini bebas semacam Suruhanjaya Bebas. Bebas daripada apa-apa pengaruh Kerajaan (Executive). Sekarang apabila Parlimen mahu bermesyuarat, surat-surat khabar ada keluaran berita-berita, oh! Parlimen mahu bersidang, Kerajaan mahu membentangkan beberapa bilbil dan lain-lain. Tidak disebut apa-apa usul Pembangkang yang mahu dibentangkan. Apa

ertinya kepada Parlimen, kepada kakitangan Parlimen, mereka kakitangan Kerajaan sahaja. Itu silap. Di sini menunjukkan fikiran yang sangat salah, menunjukkan tiada kebebasan Parlimen. Kalau mahu kebebasan Parlimen, mesti ada kebebasan pemikiran kakitangan Parlimen.

Saya mahu beri satu contoh. Saya dapat tahu bahawa seorang Wakil Rakyat, ada menulis surat kepada Parlimen untuk meletak jawatan. Beliau ialah seorang Timbalan Menteri Pelajaran, Tuan Haji Salleh Jafaruddin dari kawasan Mukah. Oleh kerana beliau masa itu fikir dia mahu bertanding di dalam pilihanraya besar di Sarawak, mungkin mahu jadi Ketua Menteri dan saya dapat tahu bahawa Suruhanjaya Pilihanraya pun dapat surat daripada Parlimen untuk mengatak keluar satu writ mengatakan mengadakan pilihanraya kecil. Tetapi selepas itu apabila berlaku sedikit kejadian lain di mana beliau dapat tahu mungkin beliau tidak dapat bertanding dalam pilihanraya di Sarawak, perkara ini ditahankan. Mana boleh? Kalau sudah resign, sudah resign. Saya harap kita boleh dapat satu kenyataan sama ada benar atau tidak dan sampai sekarang Yang Berhormat pun tidak datang. Saya dapat tahu beliau dapat tiga bulan leave untuk membetulkan perkara ini. Tetapi apa yang mustahak ialah kebebasan Parlimen sangat mustahak. Sesiapa yang sudah resign sama ada dia Menteri atau lebih besar daripada itu, sudah resign, dia sudah resign. Tidak ada peruntukan untuk menarik balik. Ini saya dapati daripada reliable source dan saya harap bahawa satu kenyataan yang jelas boleh diberi dalam perkara ini.

Akhirnya, mengenai perkara P. 8—Jabatan Perdana Menteri, Butir Menyediakan Kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi Peniaga-peniaga Kecil untuk Sarawak, muka surat 65, kita tahu untuk tahun 1979 ini ada peruntukan untuk membantu peniaga-peniaga kecil di Sarawak tetapi apa yang saya tahu peniaga-peniaga kecil di Sarawak langsung tidak dapat apa-apa peruntukan dalam tahun ini dan peniaga-peniaga kecil sama ada di Kuching, di Sibul atau di mana-mana belum dapat. Saya mahu bertanya apa yang sudah berlaku, adakah peruntukan-peruntukan dalam Budget sahaja, dalam kertas sahaja tetapi tidak dibahagikan.

Saya berharap bahawa semua peruntukan-peruntukan untuk peniaga-peniaga kecil untuk Sarawak boleh dibahagikan dengan

cara yang terbuka, dengan cara yang adil supaya semua peniaga-peniaga kecil yang perlu bantuan boleh dapat kemudahan-kemudahan yang kita sekarang akan sediakan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.20 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian bercakap sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara yang di hadapan kita pada hari ini.

Perkara yang pertama sekali saya hendak sentuh mengenai B. 4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya yakin dan saya sedar, bahawa tiap-tiap 8 tahun hingga 10 tahun sekali kawasan-kawasan pilihanraya akan disemak semula dan itulah sebab agaknya di dalam peruntukan kali ini diadakan satu peruntukan mengenai perkara ini dan saya rasa di dalam soal ini, saya ingin meminta kepada Jabatan Perdana Menteri khasnya Setiausaha Parlimen supaya mengambil perhatian bahawa yang pertama sekali keadaan negara kita ini adalah berbeza daripada negara-negara lain bukan sahaja dari segi geography bahkan juga dari segi taburan penduduknya. Kalau sekiranya hendak diadakan penyemakan semula kawasan-kawasan pilihanraya maka saya berharap peruntukan-peruntukan Jadual yang 13 (2) (a) janganlah diabaikan.

Saya tidaklah hendak menghabiskan masa Dewan yang mulia ini dengan membaca peruntukan-peruntukan tersebut kerana sudah jelas bahawa ini memberi peluang-peluang ataupun kesempatan-kesempatan kepada kawasan-kawasan di luar bandar yang mempunyai bilangan pengundi-pengundi ataupun pemilih-pemilih tidak semestinya sama dengan keadaan ataupun jumlah pemilih-pemilih di dalam kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa keadaan dan sejarah negara ini dan memandangkan keadaan perhubungan di negara ini adalah berbeza daripada tempat ke tempat. Misalnya, keadaan tempat sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi iaitu kawasan Ulu

Kelantan ataupun kawasan saya sendiri Tanah Merah, Kelantan ataupun di sebarang kawasan ulu daripada negeri kita ini perhubungannya kalau hendak dibandingkan dengan kawasan Petaling, adalah jauh sama sekali. Dan kalau sekiranya kita memperhitungkan perkara ini maka sudah sewajarnya faktor bilangan ini tidak boleh kita memperhitungkan (adopt) sangat di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, satu kenyataan lagi ialah bahawasanya sama ada kawasan itu bilangan apa yang dikatakan tadi 20,000 ataupun 90,000 kita adalah mempunyai satu sistem bebas sama ada DAP hendak bertanding di kawasan 20,000 ataupun dia tidak hendak bertanding di dalam kawasan 90,000 terpulanglah kepadanya. Saya rasa kalau benar-benar DAP ini merupakan satu parti multi-racial, merupakan satu parti yang dapat diterima oleh semua kaum, sama ada kaum Cina, Melayu dan India atau sebagainya, apalah salahnya, dalam memperhitungkan soal pembahagian semula soal kawasan-kawasan ini, kita kekal seperti yang ada pada hari ini, kerana ini adalah mempunyai satu-satu rahsia yang tertentu yang menyebabkan ianya dimasukkan di dalam Perlembagaan ini sewaktu Perlembagaan ini digubal sebelum kita merdeka. Sekiranya, DAP sendiri merasa bahawa lebih senang melawat ke kawasan-kawasan yang agak bergunung-ganang, berbukit-bukau seperti kawasan Ulu Kelantan ataupun Tanah Merah iaitu tempat saya, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat tersebut bertanding di kawasan-kawasan tersebut termasuk juga kawasan saya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara yang disebutkan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, kita dalam Jawatankuasa sekarang, dan tidak di dalam Majlis Mesyuarat.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seterusnya saya menyentuh sedikit tentang Pusat Penyelidikan Ugama, kerana Ahli Yang Berhormat tadi telahpun menyentuh tetapi walau bagaimanapun saya tidak akan menyentuh lagi perkara itu dan seterusnya saya juga hendak menyentuh sedikit mengenai P. 8, Butiran 13—Pusat Penyelidikan Ugama.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga sekejap tadi di dalam mempersoalkan perkara ini ada sedikit sebanyak menyinggung soal tidak puas hati dan soal extremism. Saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Pusat Penyelidikan Agama ini apabila membuat penyelidikan membuat perhitungan kepada satu hakikat bahawa di dalam kita mengamalkan toleransi agama, mesti ada had-had yang tertentu. Begitu juga di dalam satu-satu kebebasan, kebebasan itu akan terhenti setakat mana pagar kita sampai. Jadi saya mengharapkan di dalam penyelidikan ini kita hendaklah membuat sesuatu perakuan yang tertentu supaya setengah-setengah golongan yang ingin sangat menubuhkan atau mendirikan rumah-rumah ibadat mereka di merata-rata tempat, ini kita adakan satu kaedah atau sistem yang tertentu kerana ini adalah satu perkara yang boleh menimbulkan sesuatu ekoran yang tidak baik. Jadi, saya berharaplah bahawa jabatan ini akan melihat perkara ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyetujui mengenai P. 8 juga iaitu mengenai Kajian Undang-undang. Juga disebutkan bahawa kajian undang-undang mengenai orang-orang Islam berkhawat dengan orang bukan Islam. Saya rasa tidak menjadi masalah, kalau sekiranya mana-mana pihak di negara ini termasuk orang Islam ataupun orang yang bukan Islam untuk membuat sebarang kajian mengenai sebarang sistem hidup ataupun peraturan hidup di negara ini dan selepas itu kajian ini kita terus kemukakan kepada pihak yang bertanggungjawab dan terpulanglah kepada Parlimen ini sendiri untuk menentukan sama ada perkara ini boleh dijalankan atau tidak. Saya rasa tidak menjadi salah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Hal Ehwal Ugamanya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan beberapa hari lepas.

Seterusnya, saya menyetujui juga soal P.8, Butiran 8—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar.

Saya banyak berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana banyak memberi peruntukan kepada negeri Kelantan khususnya kepada kawasan saya kerana membiayai jalan-jalan luar bandar. Cuma saya minta dalam soal ini kita membuat satu perhatian iaitu saya mencadangkan supaya jalan-jalan luar bandar kita teruskan dan perelokkan

dengan tidak payah lagi kita baiki sedikit sebanyak tetapi kalau dapat, kita buat satu kaedah di mana jalan-jalan ini kita tarkan dan insya Allah kalau kita tarkan sekali gus jalan-jalan ini tidak payah dibaiki daripada masa ke semasa. Saya rasa ini lebih menguntungkan.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya menyetujui mengenai Perkara P. 8, Butiran 18—Penempatan Semula Mangsa-mangsa Banjir. Oleh sebab perkara ini, Tuan Pengerusi, saya rasa ianya juga terlibat, saya ingin menyetujui perkara ini dari segi perlaksanaan. Kadang-kadang perlaksanaannya agak terlampau lewat mungkin juga di peringkat perancangan ataupun mungkin juga di peringkat mencari tempat ataupun mungkin juga di dalam masalah-masalah lain. Di samping itu, saya mintalah supaya di dalam usaha kita hendak menempatkan semula mangsa-mangsa banjir ini kita hendaklah menjadikan ini sebagai satu priority, kerana soal banjir ini bukanlah satu perkara yang kita tidak boleh katakan oleh sebab tahun 1967 telah melanda Kelantan, mungkin 30-40 tahun lagi mungkin datang mengikut cycle alam biasa. Tetapi ini adalah satu perkara selain daripada hendak membaiki keadaan hidup mereka itu setiap kali ditimpa banjir maka sekurang-kurangnya kita boleh menolong mereka itu dari segi penempatan semula dan dari segi mengumpulkan semula mereka untuk diberi kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi yang lebih ekonomik kepada masyarakat yang terlibat.

Seterusnya saya ingin menyetujui mengenai Rancangan Pemulihan Kampung atau sekarang ini dikenali dengan RPK. Saya juga berterima kasih kepada pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya Kerajaan kerana mulai tahun ini Kerajaan telah memulakan satu rancangan baharu walaupun pada hakikatnya perkara ini pernah dibuat pada masa dahulu walaupun tidak sebegitu besar-besaran seperti mulai tahun ini iaitu apa yang dinamakan Rancangan Pemulihan Kampung. Rancangan Pemulihan ini, Tuan Pengerusi, saya rasa patut diperhatikan. Mungkin telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau semalam iaitu yang pertama sekali mengenai jentera pelaksanaan RPK. Saya dapati setengah-setengah pegawai yang ditugaskan yakni pegawai atau orang-orang yang diambil secara sementara ditugaskan untuk melaksanakan projek ini,

orang-orang yang tidak begitu competent, orang-orang yang tidak begitu dapat melaksanakannya. Ini mungkin kerana sistem memenuhi borang atau mungkin dihantar kepada komputer atau sebagainya atau tidak begitu difahami langsung oleh orang-orang yang demikian. Jadi saya mencadangkan supaya rancangan ini lebih berkesan, orang-orang yang hendak kita tugaskan ini iaitu pegawai-pegawai hendaklah dijadikan pegawai yang tetap iaitu sebahagian daripada pegawai di Pejabat Daerah supaya mereka ini benar-benar dapat bertanggungjawab dan mereka ini benar-benar dapat memahami dan mereka ini dapat menyusun semula atau membuat ulangkaji dari semasa ke semasa mengenai kerja-kerja yang mereka buat itu.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai RPK ini juga saya berterima kasih kerana ada peruntukan untuk membaiki bahagian-bahagian tertentu rumah-rumah yang dianggapkan tidak begitu baik di kampung-kampung yang dikelaskan dalam kelas C sebanyak \$1,000 atau tidak lebih daripada \$1,000. Saya percaya selepas RPK ini dijalankan pada tahun ini mungkin dapat dikaji iaitu \$1,000 ini mungkin tidak memadai memandangkan bahawa harga barang-barang sama ada bahan kayunya atau bahan-bahan lain mungkin tidak seberapa banyak dapat dibeli dengan peruntukan sebanyak \$1,000 yang berkenaan.

Di samping itu saya rasa patut kita perhatikan dalam RPK ini bahawa konsep RPK ini hendaklah dapat menolong sama ada keluarga sebagai satu keluarga, rumah sebagai sebuah rumah ataupun sebagai satu kelompok masyarakat. Jadi, dengan lain-lain perkataan selain daripada kita memberi bantuan untuk membaiki rumah mereka itu kita hendaklah juga melihat bantuan-bantuan ini dari segi keseluruhan. Misalnya mungkin jalan-jalan kecil untuk menghubungkan daripada rumah ke rumah atau daripada jalan besar ke rumah dan sistem perparitan atau longkang daripada rumahnya ke parit besar atau longkang besar, hendaklah juga diambil perhatian. Begitu juga, Tuan Pengerusi, mungkin dalam soal ini hendaklah diperhatikan kepada perkara-perkara yang ada hubungan dengan soal kesihatan. Saya rasa tidak memadai kalau kita hanya setakat memberi mereka itu buat permulaannya tandas ataupun tempat-tempat yang hendak dijadikan reban ayam ataupun tempat-tempat

hendak disimpan lembu/kerbau dan sebagainya tetapi follow-up dalam hal ini adalah penting setelah kita beri mereka kemudahan-kemudahan sepertimana mulai diberi pada masa ini khususnya dalam masa dua, tiga bulan ini. Tuan Pengerusi, hendaklah kita buat follow-up, maka follow-up ini hendaklah dijalankan oleh pegawai yang saya maksudkan tadi ialah pegawai yang kita lantik secara tetap. Tetapi pada masa ini, pegawai yang dilantik ini adalah pegawai sementara sekadar empat atau lima bulan dengan habuan-habuan yang tertentu dan kita dapat anggarkan bahawa dalam masalah ini sudah tentu kerja-kerja; hendak kata memuaskan pun belum tentu lagi kerana belum berjalan tetapi sudah tentu kita tidak dapat mengharapkan terlalu tinggi prestasi daripada orang-orang yang hanya bekerja empat, lima bulan diambil kerja sebagai sambilan dan upahannya juga tidak begitu banyak dengan kerja-kerja tersebut.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai B. 7 iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Semalam Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyentuh mengenai kenaikan pangkat guru-guru dan juga apa yang dikatakan penurunan pangkat guru-guru dalam exercise seramai lebih daripada 2,500 guru-guru terlibat dalam kenaikan pangkat pada akhir tahun ini. Beliau semalam sebenarnya menyebutkan 2,000. Angka yang sebenarnya lebih daripada 2,500. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu faham mengenai kaedah ini.

Sebenarnya tidak timbul soal turun pangkat kerana kalau kita perhatikan bahawa dalam kaedah perguruan daripada seorang guru biasa, umpamanya kita ambil D1; daripada seorang guru biasa D1 sampai kepada Ketua Pengarah Pelajaran D1 juga, iaitu Superscale A. Mereka ini dianggapkan guru. Tidak ada naik pangkat dan mereka ini dipusingkan dalam jawatan-jawatan yang mana perkara ini berlaku dalam mana-mana jabatan sekali pun. Jadi, beliau telah menyentuh mengenai adanya guru-guru normal trained.

Pada anggapan saya ini adalah guru di dalam kategori C1 atau C2 dan guru-guru C1 dan C2 ini beliau mengatakan telah tidak dibenarkan lagi meneruskan sebagai guru besar di sekolah menengah besar. Ini satu perkara yang baik dari segi Suruhanjaya melaksanakan perkara ini dengan kerjasama Kementerian Pelajaran kerana kita tidak se-

patutnya membenarkan orang-orang yang tidak sepatutnya menjadi guru besar sekolah besar. Misalnya sepatutnya orang menjadi guru besar sekolah besar ini daripada Superscale G, tidak sepatutnya kita membenarkan orang-orang daripada normal trained, ertinya daripada C2 Special Grade atau C2 Tingkatan/Tertinggi untuk meneruskan perkhidmatannya. Kita memang merasai bahawa tugas-tugas yang mereka jalankan itu setakat hari ini adalah baik dan patut berterima kasih kepada mereka itu. Tetapi apabila mereka itu telah menjalankan tugas setakat itu dan apabila kita dapati sudah ada orang lain yang boleh menggantikan beban yang berat kepada mereka itu maka hendaklah mereka ini direleasekan. Tuan Pengerusi, saya rasa di sini soal keadilan tidak timbul kerana mereka ini memang diberi gaji yang sama dan tidak pernah pihak Suruhanjaya ataupun pihak Kementerian Pelajaran dalam soal exercise ini menurunkan gaji seseorang itu.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya rasa dalam masalah kenaikan pangkat atau sebagainya, walaupun masih ada lagi pada hari ini setengah-setengah tempat guru-guru yang sepatutnya dinaikkan ke tempat itu tetapi oleh sebab ada guru-guru yang masih ada itu diperlukan maka ini mungkin boleh digunakan. Tetapi, walau bagaimanapun kita hendaklah menuju kepada suatu ketika di mana setiap kerja hendaklah dijalankan oleh orang-orang yang sepatutnya menjalankan kerja supaya kita berlaku adil kepada orang yang tidak sepatutnya bekerja dengan gaji yang tidak sepatutnya. Misalnya orang-orang yang mendapat gaji rendah, Tingkatan C1 tidak sepatutnya diberi beban atau kerja dari segi bidang kerja-kerja yang patut dijalankan oleh orang-orang yang bekerja di dalam Tingkatan D1 (Special Grade) atau Super-scale G atau sebagainya.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai P.8 iaitu mengenai Butiran 20, Lembaga Perpaduan Negara. Walaupun peruntukan yang dimasukkan di sini hanya \$10 saya percaya tentulah pihak Lembaga ini mempunyai rancangan yang tertentu untuk tahun depan. Dalam masalah ini saya mencadangkan supaya Lembaga ini hendaklah membanyakkan lagi penyelidikan-penyelidikan, terutama sekali mengenai adat resam berbagai keturunan di negara kita ini, misalnya adat resam orang-orang kita di

Sabah dan Sarawak, adat resam orang-orang kita di Semenanjung dan adat resam ini boleh dibukukan dalam buku-buku kecil disebarikan kepada sekolah-sekolah, disebarikan kepada semua pihak supaya tiap-tiap golongan mengetahui atau mengenali pihak yang lain dengan lebih jelas lagi dan dengan demikian maka tujuan kita untuk menuju ke arah perpaduan negara dan satu bangsa akan datang, akan sampai dengan cara yang lebih cepat lagi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga mengenai P.8 iaitu Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Setakat hari ini Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan ini kita akur telah menjalankan kerja-kerja yang baik tetapi saya mencadangkan supaya selain daripada menjalankan kerja-kerja setakat apa yang dijalankan hari ini saya mencadangkan supaya ianya menumpukan juga ke dalam masalah kemiskinan walaupun saya percaya soal kemiskinan ini adalah menjadi tanggungjawab besar Kerajaan sama ada melalui rancangan Dasar Ekonomi Baru atau sebagainya. Tetapi di samping itu Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan ini oleh sebab badan ini mempunyai access atau mempunyai peluang-peluang apabila bersyarah atau mengadakan kempen di kampung-kampung, mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan orang-orang kampung maka soal kemiskinan ini hendaklah juga diperhatikan, iaitu soal kemiskinan dalam erti kata boleh dapat diatasi melalui makanan dan pemakanan. Janganlah kita harapkan sahaja kepada badan yang menganjurkan soal makanan dan pemakanan tetapi hendaklah juga kita teruskan melalui rancangan keluarga ini.

Satu perkara yang saya hendak sentuh lagi, Tuan Pengerusi, mengenai apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekejap tadi iaitu mengenai B.1 yang mana Dewan ini dianggapkan sebagai rubber stamp. Saya sebenarnya berkali-kali mendengar perkara ini disebutkan di Dewan ini tetapi saya ingin bertanya sama ada pihak Pembangkang, terutama sekali Ahli Yang Berhormat tersebut merasai dirinya sebagai Pembangkang rubber stamp. Kalau beliau merasai bahawa beliau sebagai Pembangkang rubber stamp tetapi kami dari pihak Kerajaan tidak pernah merasai perkara semacam ini kerana melalui Dewan yang mulia ini kita selain daripada dapat membincangkan

perkara-perkara sepertimana yang kita buat hari ini kita juga dapat menyoal berbagai-bagai soalan dan dengan secara langsung atau tidak langsung maka ini menandakan bahawa setiap perkara yang hendak dibuat oleh Kerajaan kita adalah boleh bertanya, kita boleh tahu, kita boleh soal dan kita boleh buat apa yang kita suka mengikut apa yang sesuai bagi sistem Parlimen dalam sesebuah negara yang demokrasi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh mengenai soal keselamatan dalam negara, iaitu di dalam Butiran 1100, B.8, Aktiviti (4). Dalam masalah keselamatan negara ini pihak Jabatan Perdana Menteri meminta wang sebanyak \$1,838,600 iaitu mengenai gaji dan upahan kepada jawatan seramai 164 orang. Saya percaya ini adalah satu badan yang penting kerana memandangkan bahawa keadaan negara kita pada hari ini diselubungi, dikelilingi oleh keadaan-keadaan keselamatan yang tidak tentu, keadaan keselamatan di rantau Asia Tenggara ini yang tidak terjamin. Di samping itu juga kita adalah sentiasa diancam di dalam negeri walaupun keadaan ancaman itu berbeza dari semasa ke semasa dan alhamdulillah, pada hari ini soal ancaman ini tidak begitu serius hasil daripada tindakan-tindakan tegas daripada pihak Kerajaan sendiri.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya dalam soal keselamatan negara ini kita hendaklah benar-benar menggunakan seluruh jentera yang kita panggil keselamatan negara di semua peringkat, sama ada di peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah dan juga peringkat kampung. Misalnya, di peringkat kebangsaan kita ada Majlis Keselamatan Negara, peringkat negeri kita ada Jawatankuasa Keselamatan Negeri, di peringkat daerah kita mempunyai Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan di kampung kita mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan saya hendak bercakap mengenai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini yang mana adalah terdiri daripada Ketua-ketua Kampung dan juga beberapa orang yang menjadi Ahli Jawatankuasanya.

Saya mencadangkan supaya Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung ini dipergunakan sepenuhnya supaya mereka ini dapat mengawal, dapat memberi maklumat

(feedback) kepada pihak Kerajaan dalam menentukan bahawa soal keselamatan negara adalah terjamin. Misalnya di peringkat bawahan, yakni di peringkat kampung kita dapati ada yunit RELA, adanya Rukun Tetangga. Saya berharap sama ada RELA ataupun Rukun Tetangga hendaklah menjalankan kerja-kerja mereka ini selaras dan dengan pengetahuan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di tiap-tiap kawasan masing-masing dan bagi tempat-tempat yang tidak ada RELA atau belum ada lagi Rukun Tetangga, maka saya rasa hendaklah kita meminta supaya JKKK ini hendaklah menjalankan usaha-usaha mereka sendiri.

Selain daripada itu, perkara yang lebih penting lagi, Tuan Pengerusi, ialah kita hendaklah memberi kursus-kursus kepada Ahli JKKK ini dari segi keselamatan. Setakat hari ini JKKK, khususnya di negeri saya di Kelantan lebih banyak menumpukan perhatian mereka itu kepada soal pembangunan, iaitu kemajuan daripada 'K' yang satu lagi iaitu keselamatan. Memandangkan bahawa seperti mana yang saya sebutkan tadi soal keselamatan juga adalah penting, maka hendaklah juga kita gerakkan jentera ini dari segi keselamatan dan hendaklah kita berikan kursus kepada Ahli-ahli JKKK ini supaya mereka ini sedar, mereka ini tahu mengenai tugas mereka masing-masing, misalnya kursus dalam bentuk undang-undang secara sedikit-sedikit, kursus dari segi keselamatan secara am dan bagaimana cara-caranya hendak mengatasi soal jenayah yang kecil-kecil yang patut mereka ini tegah dari tempat mereka itu. Dan kalau sekiranya yunit yang paling kecil di peringkat kampung ini dapat dijalankan, dapat bergerak dengan efektif maka banyak perkara yang boleh kita harapkan daripada mereka itu. Maka di samping itu yunit JKKK pada setengah tempat hanya terhad kepada 7 orang anggota termasuk Pengerusinya, yakni Ketua Kampung atau di Kelantan dipanggil Penghulu. Sepatutnya kita tambahkan lagi, bukan hendak menambahkan pangkat kepada orang-orang yang lain tetapi hendaklah kita tambahkan bilangan supaya perasaan tanggungjawab, perasaan sayangkan negara dan perasaan mahu berkhidmat untuk menjaga kampung halaman masing-masing, dapat dirasai oleh seberapa ramai daripada kampung itu.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja apa yang hendak saya sentuh dan akhirnya saya menyokong kepada permintaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.49 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.10, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (2). Perkara penggunaan Bahasa Malaysia di dalam sistem perundangan dan kehakiman kita telah disentuh tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Beliau antara lain telah menegaskan bahawa Bahasa Inggeris itu perlu lagi dilanjutkan penggunaannya di dalam sistem perundangan kita dan bahawa menurut beliau sistem kehakiman kita tidak boleh dijalankan dalam Bahasa Malaysia.

Saya memang menduga Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu akan membuat kenyataan seperti ini menyokong penggunaan bahasa Inggeris seterusnya di dalam sistem perundangan kita dan kehakiman kita oleh kerana beliau adalah salah seorang daripada ahli Bar Council yang kita tahu baharu-baharu ini Bar Council telah menyatakan secara terang-terang bahawa Bahasa Malaysia tidak boleh digunakan sepenuhnya di Mahkamah-mahkamah kita terutama Mahkamah Tinggi, barangkali kita terpaksa menunggu satu dua jenerasi lagi baharu boleh Bahasa Malaysia digunakan. Satu jenerasi 20 tahun, dua jenerasi 40 tahun. 40 tahun lagi baharu Bahasa Malaysia layak digunakan di mahkamah kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat kalau tidak salah tadi Yang Berhormat kata perkara yang hendak dibahaskan ialah perkara dalam B.10 iaitu mengenai soal-soal Mahkamah. Jadi dalam soal ini yang hendak kita bahaskan ialah Maksud Bekalan Jabatan Kehakiman berkaitan dengan perbelanjaan. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan tepat sedikit kepada perkara yang dimaksudkan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** B. 10, Tuan Pengerusi, ialah mengenai Butiran 1100-Gaji dan Upahan Aktiviti(1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (2) Mahkamah-mahkamah Tinggi: (a) Semenanjung Malaysia (b) Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Petaling itu samalah seperti rakan-rakannya yang lain selalu mendewa-dewakan apa yang bersifat Inggeris sehinggakan bagi mereka cheese itu pun berbau wangi. Soal bahasa bukan soal fanatism bukan soal kita terlalu fanatik kepada penggunaan tetapi adalah soal kejiwaan rakyat di negara ini. Oleh yang demikian kalau ada sesiapa yang bercakap bahawa Bahasa Malaysia hanya layak digunakan untuk satu-satu tujuan dalam negara ini 40 tahun yang akan datang, atau 20 tahun yang akan datang, sekarang tidak layak maka itu saya anggap suatu kenyataan orang-orang yang lebih bengkerap daripada orang-orang yang fanatik yang menurut kata Ahli Yang Berhormat tadi, orang yang fanatik kepada bahasa ini orang yang bengkerap.

Tuan Pengerusi, kalau kita tidak proficient dalam bahasa itu jangan kita salahkan bahasanya. Kalau kita tidak mengerti bahasa Jerman misalnya jangan kita mengatakan bahasa Jerman itu tidak layak atau tidak baik, salahkan diri sendiri sebab kita tidak tahu bahasa itu, kita bodoh dalam bahasa itu dan kita tidak mahu belajar dalam bahasa itu. Salahkan diri kita sendiri, jangan salahkan bahasa itu. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah kalau kita tahu Bahasa Malaysia dan tidak pandai menggunakannya baik di mahkamah atau di mana-mana juga maka alasan yang kita beri ialah Bahasa Malaysia tidak layak. Masih belum mencapai mutu tidak boleh digunakan dan lain-lain.

Bagi saya inilah suatu alasan orang-orang bengkerap dan kalau ada sesiapa yang hendak menyanjung bahasa Inggeris seterusnya sehingga 40 tahun yang akan datang, siapa juga walau apa juga kedudukannya dalam negara ini, saya jemput dia membuat pulau di tengah-tengah Sungai Thames; baliklah dia ke England, duduklah dia, berhijrah di sana supaya setiap hari dia boleh berbahasa Inggeris, supaya setiap hari dia boleh mengamal dan mempraktikkan kebudayaan Inggeris supaya setiap hari dia boleh makan keju (cheese).

Sistem Perundangan dalam negara kita, Tuan Pengerusi, tidak boleh membina suatu koloni di tengah-tengah bumi Malaysia ini. Ia tidak boleh dibina tembok-tembok di kelilingnya dan mengatakan: aku di sini dan jangan ganggu aku, apa jua bahasa yang akan digunakan soal aku sendiri. Terpisah dari aspirasi, dari cita-cita rakyat, cita-cita negara; tidak boleh. Sistem Kehakiman dan Perundangan adalah sebahagian daripada sistem negara kita ini dan sesiapa juga yang mahu membawa sistem itu di luar daripada aspirasi negara ini, saya minta dia berundur diri.

Tuan Pengerusi, keadilan pentadbiran mahkamah, pentadbiran undang-undang boleh dijalankan dalam apa bahasa sekali pun. Di England justice dijalankan dalam bahasa Inggeris kerana memang orang Inggeris bercakap Inggeris. Di Jepun sistem pengadilannya, perundangannya dijalankan dalam bahasa Jepun kerana orangnya bercakap Jepun. Begitu juga keadilan bagi orang Arab dijalankan dalam bahasa Arab juga, dalam bahasa Perancis bagi orang Perancis. Apakah cacat keadilan, apakah tidak sempurna sistem perundangan dan keadilan dalam negara-negara yang saya sebutkan tadi semata-mata kerana mahkamah-mahkamah dan pentadbiran undang-undang di dalam negara-negara yang berkenaan itu dijalankan dalam bahasa Perancis, dalam bahasa Arab, dalam bahasa apa juga? Seperti juga keadilan dalam negara kita patut dijalankan dalam bahasa kita. Mengapa kita harus pinjam bahasa luar untuk menjalankan sistem perundangan dan kehakiman kita? Ini yang saya tidak faham.

Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat dari Petaling hendak mempertahankan keputusan Bar Council dan pendapat-pendapat setengah-setengah orang-orang atasan di dalam sistem kehakiman dan pengadilan kita, perundangan kita untuk terus menggunakan bahasa Inggeris dia adalah bebas dengan pendapatnya itu akan tetapi untuk mengatakan orang-orang yang menyeru bahasa Malaysia digunakan di dalam sistem pengadilan dan sistem perundangan kita sebagai orang bengkerap, itu adalah soal lain. Barangkali juga kenyataannya itu boleh ditinjau dari sudut mata Seditious Act, saya pulangkan kepada kebijaksanaan pihak Attorney-General memeriksa perkara ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada P.8, Objek sebagai 3400 iaitu peruntukan berjumlah \$218,500,000 bagi tujuan pelaburan dan pinjaman.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah banyak melaburkan modal di dalam PETRONAS, saya ingin bercakap sedikit mengenai perkara ini. Baharu-baharu ini telah diumumkan bahawa pihak PETRONAS hendak menubuhkan 2 syarikat penapis minyak iaitu hendak menapis minyak yang dikeluarkan oleh negara kita seperti yang kita tahu di Semenanjung ini negeri saya, negeri Trengganu sahajalah negeri yang mengeluarkan minyak. Tetapi malangnya pihak PETRONAS hendak membuat penapis kecil sahaja di Trengganu, yang besarnya hendak dibuat di tempat lain. Jadi saya tidak tahu di mana rasionalnya perkara ini sepatutnya kalau minyak itu didapati di negeri Trengganu, di situlah kita buat penapis besar tetapi sekarang yang hendak dibuat ialah yang kecil sahaja yang diberi ke negeri Trengganu, yang besarnya hendak diletakkan di tempat lain.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa menyebut perkara ini oleh kerana perkara ini amat penting kepada kami di negeri Trengganu khasnya dan di Pantai Timur amnya oleh kerana kita tahu bahawasanya di negeri-negeri Pantai Timur itu kebelakangan dalam serba-serbi tidak ada industri dan tidak ada economic activities yang bermakna yang boleh memberi kerja kepada rakyatnya dan inilah kesempatan yang terbuka kepada kami di Pantai Timur untuk menebus ketinggalan yang dialami sejak berkurun-kurun yang lalu tetapi malangnya bila tiba pada masanya PETRONAS telah membuat keputusan seperti ini. Tetapi walau bagaimana sekalipun saya berharap keputusan ini belum muktamad dan saya berharap dan harapan saya ini disertai oleh seluruh rakyat di negeri-negeri Pantai Timur bahawa PETRONAS akan mereverse keputusan tersebut. Cuma saya berharap walaupun hendak dibuat dua atau tiga sekali pun tidak apa, tetapi bawalah yang besarnya itu ke negeri Trengganu dan yang kecil itu bolehlah ke tempat lain.

Tuan Pengerusi, saya sekarang beralih kepada B.9, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (5) dan juga P.9 peruntukan sebanyak \$11 juta untuk Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya amat rusing melihat berleluasanya perbuatan salah-menyalah ataupun apa yang kita panggil, dengan izin, "buck-passing" di kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan yang mengakibatkan banyak projek-projek itu lambat dilaksanakan. Ada banyak contoh yang saya boleh sebut di sini, akan tetapi suatu contoh yang amat klasik sekali ialah mengenai pembinaan dua buah hospital di negeri saya. Satu di Kuala Trengganu dan satu lagi di kawasan saya sendiri di Ulu Trengganu.

Dua buah Hospital itu kalau tidak salah saya telah dirancang lima tahun dahulu dan tanah-tanah telah diambil sejak lima tahun yang lalu. Kemudian sampai sekarang belum ada apa-apa berlaku. Bila ditanya Jabatan Kesihatan berkata pegawai-pegawai Jabatan Kerjaraya lambat menyiapkan pelan rekabentuk. Kemudian pegawai-pegawai JKR pula berkata pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan yang salah sebab terlalu banyak pindaan-pindaan dibuat kepada pelan asal. Kemudian apabila sudah barangkali puas berbalah-balah barangkali siaplah pelannya itu, tetapi bila sudah siap pelannya itu tetapi barangkali kosnya sudah naik 50% kerana inflasi. Lepas itu terpaksa pergi pula kepada Treasury minta tambahan dan akhirnya sampai sekarang lima tahun apa jadi kepada projek dua buah Hospital itu wallahuallah. Lima tahun telah berlaku dengan percuma. Tanah getah diambil. Kalau lima tahun itu dibenarkan tuan punya getah itu menoreh getahnya itu sudah banyak duit dapat tetapi tanah itu diambil oleh kerana lama sangat menunggu sampai sekarang tuan tanah itu sudah mati. Hospital belum pun dibangunkan lagi. Ini sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, banyak lagi contoh-contoh yang saya boleh berikan tetapi kesan daripada perbuatan tarik tali, buck-passing, salah-menyalah ini ialah bahawasanya selama lima tahun sejak Hospital itu dirancang sampai sekarang bagi Hospital Kuala Trengganu orang-orang sakit terpaksa dirawat di dalam bangunan-bangunan kayu yang keadaannya sama dengan berek keretapi di Jalan Bangsar yang sudah dirobuhkan itu, masih bangunan seperti itu juga digunakan sampai sekarang.

Kemudian bagi Hospital di Ulu Trengganu oleh kerana sekarang Hospital yang tertakata sebenar tidak ada terpaksalah

kalau ada kes-kes untuk rawatan wad terpaksa dihantar 25 atau 40 batu ke Kuala Trengganu dan ini bermakna waris-waris yang hendak menziarah terpaksa berbelanja lebih untuk pergi melihat si sakit.

Tuan Pengerusi, tidak syak lagi di kalangan kita ada pegawai-pegawai yang amat cekap, banyak yang gigih dan ada yang tidak gigih, banyak yang rajin, ada yang tidak rajin, banyak yang baik, ada yang tidak baik dan begitulah seterusnya. Kita telah mengadakan kempen kecekapan di kalangan pegawai-pegawai kita untuk meninggikan mutu prestasi kakitangan awam, namun yang cekap, cekap juga; yang tidak cekap, tidak cekap juga.

Di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan ada satu ungkapan yang amat masyhur untuk mengsum-up keadaan yang berlaku sekarang. Mereka berkata, dengan izin, saya hendak menyebut dalam bahasa Inggeris: "If you face a problem, if it is a big problem, refer it to your boss; if it is a minor problem, pass it down to your subordinate." Jadi dia duduk diam sahaja di situ. Dia jadi macam apa yang kita panggil, duduk di tengah-tengah tukang pas sama ada ataskah atau ke bawah. Jadi sikap seperti inilah yang patut pihak JPA perhatikan supaya tidak berleluasan dan saya harap apa yang saya dengar ini merupakan satu joke, merupakan satu kelakar dan bukan satu perkara yang benar-benar berlaku.

Tuan Pengerusi, kalau tidak salah saya kita akan memasuki revision gaji bagi pegawai-pegawai Kerajaan tidak lama lagi iaitu revision kali ketiga dalam tempoh sepuluh tahun, kalau tidak silap saya.

Hari ini saya berdiri untuk mencadangkan supaya kita tubuhkan Suruhanjaya atau Jawatankuasa ataupun Task Force, apa juga untuk mengkaji bukan gaji, untuk revise bukan gaji, tetapi untuk mengkaji prestasi dan keupayaan serta performance pegawai-pegawai kita. Ini penting. Sebab kalau hanya gaji yang direvise, dinaikkan, prestasi dan kecekapan tidak dinaikkan, kalau dari segi kita berniaga kita rugi. Task Force ini perlu dibentuk untuk mengkaji kecekapan dan mutu kerja setiap Jabatan Kerajaan dari segi Jabatan, dari segi division-bahagian atau unit atau apa juga dipanggilkan daripada atas hingga ke bawah. Dan Task Force ini juga patut mengkaji mutu kecekapan setiap

pegawai yang bertugas di dalam setiap jabatan, unit dan division. Mungkin ini satu tugas yang amat besar, yang amat berat yang mungkin tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 5 tahun tetapi kalau kita berjaya berbuat demikian, masa dan wang yang kita habiskan untuk menyasat perkara ini kata orang Inggeris, "worth it". 5 tahun pun tak apa, 10 tahun pun tak apa, asalkan kita tahu dalam satu-satu Kementerian, dalam satu-satu jabatan apa bahagian yang tidak berjalan lancar, apa yunit yang tidak perlu lagi dan apa pegawai, siapa dia yang tidak menjalankan kerja dengan betul, siapa pegawai yang malas, siapa pegawai yang rajin dengan demikian dapat kita buat satu analisa dan dapat dicari satu penyelesaian yang menyeluruh di atas semua masalah pentadbiran yang kita hadapi sekarang.

Tuan Pengerusi, exercise seperti ini walaupun saya katakan tadi amat sulit besar dan sukar dijalankan tetapi ia adalah mustahak, ia adalah penting oleh kerana tempoh pembangunan kita meningkat dengan pesatnya dan belanja mengurus kita meningkat dengan banyaknya. Oleh yang demikian, kita tak boleh, kita tidak mampu membawa passengers, kita tidak mampu menampung apa yang dipanggil "dead wood" di kalangan pegawai-pegawai awam kita kerana orang-orang seperti itu akan menjadi bukan sahaja melambatkan proses pembangunan dan menurunkan mutu kecekapan sesuatu jabatan tetapi juga ia boleh menjadi satu penghalang kepada usaha pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya sendiri dapat tahu bahawa ada yunit-yunit, ada bahagian-bahagian dalam satu-satu jabatan Kerajaan yang ditubuhkan 10 tahun atau 20 tahun yang lalu khusus untuk menguruskan atau mengendalikan satu-satu tugas yang tertentu yang relevant, yang amat penting pada ketika itu. Tetapi pada 10-20 tahun kemudian, yunit dan bahagian Jabatan itu tidak lagi relevant dan tidak lagi mempunyai fungsi yang bermakna tetapi ia masih ada di situ. Ia tidak dihapuskan, tidak dismantled, masih ada di situ, pegawainya masih ada dan yunit itu masih ada. Jadi keadaan seperti itu perlu ditinjau dan kalau memang ada, kalau ada bahagian-bahagian yang tidak relevant lagi, ada pegawai-pegawai yang tidak relevant lagi kita boleh pindahkan mereka ke bahagian-bahagian lain yang memerlukan kakitangan tambahan.

Satu masalah lagi yang saya hendak sebutkan sini . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, kalau banyak lagi, saya bagi lagi dua minit, tolong gulung. Ada 4 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, masa sudah hendak sampai.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Pendek sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi yang sekarang menjadi masalah di kalangan pegawai-pegawai awam kita ialah kadang-kadang mereka menganggap, dengan izin, it doesn't pay to be efficient, tidak mendatangkan faedah untuk berlaku cekap dan menjadi rajin sangat oleh kerana ada kecenderungan, kalau seseorang pegawai itu rajin, cekap, dedikasi dan bagus maka dia akan dibebankan dengan kerja-kerja yang bertubi-tubi kerana dia bagus. Barangkali pada peringkat permulaannya dia seronok, kerana ada confidence daripada bosnya tetapi lama kelamaan apabila tekanan tugas terlalu berat, dia akan menjadi frustrated. Apa lagi apabila melihat rakannya itu mengepalai yunit, rakan dalam bahagian yang sama yang barangkali mempunyai taraf yang sama dari segi Super-scale A, B, C, atau D dan gaji sama, layanan sama tetapi kerana pegawai yang satu lagi tidak cekap, dia diberi tugas yang lebih ringan, pegawai yang satu itu kerana dia cekap, tugasnya terlalu berat. Jadi pembahagian kerja yang lebih adil patutlah ditinjau juga oleh Task Force yang berkenaan ini supaya setiap pegawai merasa bahawa yang cekap akan diberi penghormatan, diberi reward dan yang tidak cekap akan diberi punishment, sekarang terbalik, yang cekap diberi punishment kerana diberi terlalu banyak tugas dan yang tidak cekap diberi reward dengan kerja-kerja yang ringan.

Jadi inilah perkara-perkara yang boleh diteliti oleh Task Force yang saya cadangkan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.16 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk sama berucap dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 1—Parlimen, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (2) iaitu Pentadbiran Am dan Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menghuraikan maksud-maksud saya dengan satu persatu, saya suka menarik perhatian Kerajaan dan Dewan ini bahawa memandangkan negara kita ini semakin pesat membangun dan Parlimen semakin memainkan peranan yang penting dalam meluluskan berbagai undang-undang di negara kita ini; maka sudah sampai masanya pihak Kerajaan mengkaji semula dan membuat perubahan yang menyeluruh mengenai pentadbiran Parlimen yang berdasarkan Perkara 65 Perlembagaan Malaysia dan Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963. Kita sedar bahawa Akta Perkhidmatan Parlimen yang tersebut telah menempuh hampir 20 tahun dan nyata perlu disesuaikan dengan keadaan perubahan-perubahan yang telah berlaku sehingga sekarang.

Saya dapati bahawa pentadbiran Parlimen ini mempunyai Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara, tetapi sehingga hari ini Dewan Negara tidak ada mempunyai kakitangan yang lengkap melainkan hanya seorang Setiausaha Dewan Negara. Mungkin ini salah satu sebab timbulnya berbagai tuduhan terhadap kedudukan Dewan Negara, tetapi sekiranya pihak Kerajaan dapat melengkapkan Dewan Negara dengan kakitangannya yang tersendiri, maka peranan dan kepentingan negara akan bertambah lebih nyata. Pengujudan kakitangan Dewan Negara juga selain daripada memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada Setiausaha dan Yang di-Pertua Dewan Negara, tentulah akan dapat lebih melicinkan pentadbiran kedua-dua buah Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tuan Pengerusi, selanjutnya suka saya menyatakan bahawa Kerajaan menyedari Parlimen adalah sebagai simbol demokrasi, Parlimen menjamin keutuhan demokrasi

berparlimen di Malaysia menerusi perbahasan-perbahasan dan kelulusan undang-undang untuk kebahagiaan, kesejahteraan, kesempurnaan serta kebebasan rakyat dan negara. Untuk mencapai matlamat yang baik, suci dan murni ini, saya fikir sudah sampai juga masanya pihak Kerajaan melihat secara menyeluruh tentang kedudukan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan serta masa depan kakitangan Perkhidmatan Parlimen sendiri. Tanpa melihatkan perkara-perkara yang demikian Parlimen tidak akan menjadi satu pentadbiran yang licin dan lancar kerana ketiadaan insentif dan galakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, dalam mengesyorkan perubahan yang meluas dan menyeluruh ini, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan terhadap taraf kedudukan Setiausaha Dewan Rakyat. Dibandingkan dengan pegawai-pegawai tinggi di Kementerian-kementerian, saya berpendapat bahawa oleh kerana masalah perhubungan antara Jabatan Kerajaan di negara kita ini adalah berdasarkan perhubungan separas pipit dengan pipit, enggang dengan enggang atau jelasnya Superscale A dengan Superscale A dan Superscale B dengan Superscale B dan seterusnya. Maka sudah sampai masanya bagi Parlimen mempunyai satu pentadbiran yang ditadbirkan oleh pegawai yang setaraf dengan Ketua Setiausaha Negara ataupun pegawai Superscale A.

Cadangan saya ini juga saya percaya akan dapat menaikkan imej Parlimen yang begitu penting juga menaikkan serta memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Selain dari itu kedudukan Setiausaha Dewan Rakyat yang tinggi akan dapat memberikan makna yang wajar bagi Parlimen sebagai sebuah institusi Legislative yang tertinggi di Malaysia. Oleh itu saya sekali lagi merayu agar pihak Kerajaan akan dapat memberikan perhatian dalam hal ini.

Selain dari itu memandangkan bahawa bebankerja yang semakin bertambah dari satu masa ke satu masa di mana kakitangan Parlimen dikehendaki bekerja lebihmasa. Saya mendapat faham daripada pekerja Parlimen mereka bekerja lebih ini masa lebih kurang 828 jam bagi tiap-tiap satu penggal persidangan Parlimen. Keahlian Dewan Rakyat

pula yang telah kita maklumi telah bertambah sebanyak 300% dibandingkan dengan jumlah Ahli Dewan Rakyat seramai 52 orang pada tahun 1957, kemudian bertambah menjadi 104 orang dan sekarang ini menjadi 154 orang dan keanggotaan Ahli Dewan Negara pula telah bertambah sebanyak 11%. Selain dari itu bebankerja bertambah mengikut bilangan hari persidangan atau jam waktu bekerja. Pengurusan dan pentadbiran berkaitan dengan persidangan ini juga, Tuan Pengerusi, dapat diukur dengan semakin meningkatnya mutu perbincangan, standard perbincangan dan juga soal-soal yang dibincangkan meliputi berbagai aspek kehidupan di negara kita ini yang semakin luas bidangnya.

Oleh yang demikian saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan membuat perubahan-perubahan menyeluruh dari segi pentadbiran dan pengurusan Parlimen berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Mewujudkan jawatan-jawatan baru seperti Pegawai Perhubungan Awam, Ketua Penyunting, Pegawai Akaun Kanan, Pembaca Peruf, Pengawal Keselamatan dan sebagainya.
- (2) Menaikkan taraf jawatan (up-grading of post). Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 8 tahun patut dinaikkan tarafnya ke peringkat Special Grade dan Superscale mengikut bidang masing-masing memandangkan Parlimen ini adalah sebuah jabatan tertutup.
- (3) Mengubah gelaran jawatan gunasama (common users) kepada jawatan khusus (specialist). Perubahan ini perlu kerana jenis perkhidmatan di Jabatan ini adalah berbeza dengan Jabatan Kerajaan yang lain. Walaupun mereka bertugas sebagai kerani, kerana di sini mereka lebih banyak terlibat dengan urusan berkaitan dengan mesyuarat.
- (4) Tambahan kakitangan adalah diperlukan bagi beberapa jawatan penting, kalau tidakpun keseluruhan jawatan yang ada, misalnya jawatan Pemberita, Jurutaip, Bentara, Pegawai-pegawai Kerani Bahagian Kewangan, Perundangan, Perpustakaan dan Bahagian Hansard.
- (5) Sekim perkhidmatan bagi setengah-setengah jawatan pula seperti Bentara, Pemberita, Penterjemah dan sebagainya patut ditinggikan mulai peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) hingga peringkat HSC/STP atau Diploma. Ini bertujuan bagi mendapatkan pegawai-pegawai yang benar-benar berkelayakan di masa hadapan.
- (6) Mewujudkan Bahagian Kewangan yang berbentuk self-accounting dengan tujuan memberikan kemudahan dan kelicinan yang lebih cekap lagi dari segi perbelanjaan dan pembayaran gaji dan upah termasuk habuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.
- (7) Mewujudkan Bahagian Percetakan yang baru dan lengkap bagi memproses segala urusan-urusan percetakan untuk kertas-kertas mesyuarat, Hansard dan juga bil-bil yang dibentangkan di Dewan ini. Dengan wujudnya Bahagian ini akan dapat mengatasi segala kelewatan urusan percetakan yang dijalankan oleh jabatan lain.
- (8) Mengadakan Kursus/Lawatan Sambil Belajar bagi setiap kakitangan terutama yang terlibat secara langsung dengan urusan persidangan Dewan supaya dapat menambahkan pengetahuan dan menambahkan kecekapan kakitangan berkenaan dalam menjalankan tugas masing-masing.
- (9) Mengadakan pakaian seragam untuk semua kakitangan, terutama mereka yang belum lagi mendapat kebenaran atau kelulusan pakaian seragam. Pakaian seragam ini adalah wajar untuk melahirkan identiti Parlimen sebagai sebuah institusi Legislative yang tertinggi di negara kita.
- (10) Rancangan perumahan bagi kakitangan Parlimen dengan tujuan memberi kemudahan yang sebaik-baiknya supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan licin, sempurna dan memuaskan.
- (11) Anomali yang masih belum diselesaikan berhubung dengan gaji kakitangan Parlimen ini patutlah diselesaikan dengan segera oleh pihak JPA. Kelewatan menyelesaikannya boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak seharusnya berlaku. Walau bagaimanapun saya percaya pihak JPA tidaklah akan keberatan untuk

menyelesaikan dengan segera memandangkan perkara ini sudah bertahun-tahun belum dapat keputusan yang wajar.

- (12) Meluluskan bayaran elaun bekerja lebihmasa. Semalam telah berbangkit; sekurang-kurangnya mengikut merit yang berkenaan. Saya percaya bahawa jika Kerajaan boleh memberikan elaun atau honorarium kepada Bahagian Protokol di Jabatan Perdana Menteri adalah wajar juga kakitangan Parlimen dibayar honorarium. Saya mendapat tahu pihak MAMPU (Yunit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia) telah membuat laporannya untuk menyokong pembayaran tersebut tetapi sehingga hari ini bayaran belum dibuat. Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah patut dilewat-lewatkan lagi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya sukalah juga menyentuh berkenaan dengan Bahagian Perpustakaan. Saya berharap Bahagian ini dapat dilengkapi dengan buku Bahasa Kebangsaan yang meliputi buku-buku politik, undang-undang, budaya, ekonomi dan sebagainya untuk bahan rujukan yang agak lengkap bagi Ahli-ahli Dewan. Waktu perkhidmatan Perpustakaan juga patutlah dilanjutkan sehingga Dewan tamat bersidang, janganlah ditutup pada pukul 4.15 petang.

Sekian, saya turut menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.28 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Oleh kerana masa yang singkat, saya hanya akan menyentuh beberapa points yang mustahak di bawah Maksud B. 8, Kod 1100 di bawah Jabatan Perdana Menteri, muka surat 55, yang ada berkaitan dengan keselamatan negara dan perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, memandangkan pergolakan politik di Indo-China khasnya peristiwa-peristiwa yang berlaku di sempadan Kampuchea dan Thailand yang sangat mengkhawatirkan seluruh dunia dan Malaysia hari ini, maka saya fikir adalah wajar dan tepat masanya bagi Perdana Menteri Malaysia untuk berusaha dan mempertim-

bangkan cara-cara yang paling berkesan untuk menghadapi ancaman-ancaman dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keselamatan negara hari ini. Apa yang saya kawatir bukanlah kerana hanya dari segi pertahanan Malaysia adakah sanggup atau tidak sanggup untuk menghadapi kemungkinan satu serangan akan dilancarkan oleh Vietnam terhadap salah sebuah negara di ASEAN.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah berkali-kali memberi jaminan tentang keselamatan negara dan pertahanan Malaysia adalah bersiap sedia. Tetapi dengan kemampuan dan kelengkapan serta keadaan keselamatan Malaysia hari ini adakah sudah sampai masanya bagi Perdana Menteri Malaysia untuk menimbang semula cadangan-cadangan yang disuarakan oleh DAP selama ini di dalam Dewan yang mulia ini iaitu satu perkhidmatan negara (national service) perlu diadakan dengan segera. Memang mengadakan perkhidmatan negara akan memerlukan banyak perbelanjaan dan juga akan membebankan tanggungan dan kewangan negara kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, memandangkan keadaan keselamatan negara kita hari ini kita tidak ada jalan lain kecuali kita boleh mengerahkan, suruh rakyat kita untuk menyertai satu usaha menyelamatkan negara kita supaya selain daripada pasukan pertahanan yang ada di Malaysia hari ini boleh dikuatkan dan diperkukuhkan dengan penyertaan seluruh lapisan rakyat supaya rakyat boleh disedaran dan dirasakan bahawa pertahanan terhadap keselamatan negara kita adalah tanggungjawab . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.30 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Pengerusi, kali ini dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa nampaknya tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah kepada beberapa jabatan yang khusus terutamanya seperti Jabatan Parlimen atau Jabatan Pilihanraya dan juga Jabatan Perdana Menteri sendiri.

Berhubung dengan Maksud B. 1 iaitu bagi Parlimen, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang peruntukan bagi Parlimen di bawah Maksud B. 1 dan membuat teguran serta cadangan kepada beberapa aspek perjalanan Parlimen. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada teguran dan cadangan yang telah dikemukakan itu. Mana-mana teguran dan cadangan yang menasabah akan diberi perhatian yang serius serta pertimbangan yang sewajarnya. Kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Maksud B. 1 telah menyebutkan tentang kedudukan Parlimen sebagai simbol demokrasi dan betapa perlunya kedudukan Parlimen itu dipelihara. Beberapa pendapat telah menekankan tentang kedudukan Parlimen di dalam konteks sejarah politik tanahair walaupun dari sudut-sudut yang berlainan. Umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mencadangkan supaya gambar potret Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri-Perdana Menteri serta tokoh-tokoh Parlimen yang lain dipamirkan dalam bangunan Parlimen. Cadangan ini menekankan tentang kedudukan Parlimen sebagai satu tempat yang bersejarah dan oleh hal yang demikian tokoh-tokoh yang telah memainkan peranan masing-masing di dalam sejarah politik tanahair perlulah diberikan penghormatan yang sesuai supaya jenerasi masa depan akan dapat mengenal sumbangan murni daripada tokoh-tokoh ini. Di samping itu Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pula telah menekankan tentang kedudukan Parlimen sebagai khazanah sejarah politik negara dengan secara tidak langsung apabila Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan tentang kedudukan Perpustakaan di Parlimen ini.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah membuat kecaman yang hebat terhadap perjalanan Perpustakaan terutama sekali keengganan pihak Perpustakaan meminjamkan buku-buku yang tertentu dan juga meminjamkan Hansard-hansard kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membuat rojokan. Hansard merupakan dokumen yang penting dan ianya tidaklah dicetak dengan bilangan yang banyak. Ianya mencatatkan perbincangan yang berlaku di dalam Parlimen. Ianya juga merupakan dokumen sejarah yang penting yang telah, sedang dan akan dijadikan bahan rujukan bagi semua pihak yang berminat untuk mengetahui

sejarah politik tanahair. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bukan sahaja pihak Perpustakaan untuk menjamin supaya Hansard-hansard daripada mulanya Parlimen wujud sampai sekarang, sentiasa berada dalam keadaan yang terpelihara. Ini adalah penting tetapi walaupun ini diakui tetapi keengganan Perpustakaan meminjamkan Hansard-hansard kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dengan tujuan memelihara keselamatan Hansard-hansard itu telah dikecam oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Penjelasan. Setiausaha Parlimen telah menerangkan ada Hansard-hansard dijaga supaya tidak hilang dan sebagainya. Saya ingin tahu adakah selama ini Ahli Yang Berhormat yang telah meminjam Hansard-hansard yang tidak dipulangkan balik.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan sahaja.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Itulah sebabnya mengapa Perpustakaan tidak memberi kebenaran bagi Hansard-hansard atau buku-buku yang tertentu dibawa keluar daripada Perpustakaan dan kehilangan ini ialah disebabkan sikap yang tidak bertanggungjawab di kalangan setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Ahli Yang Berhormat yang sangat-sangat dipuji oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu sendiri iaitu pihak Ketua Pembangkang yang telah menyebabkan dua Hansard hilang dan tidak dapat menggantikan dokumen yang begitu penting.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah juga membangkitkan kedudukan Ketua Pembangkang. Menurut pendapatnya kedudukan Ketua Pembangkang perlu dipelihara selaras dengan status dan kedudukan Parlimen sebagai simbol demokrasi, seolah-olah menurutnya, dengan adanya jawatan Ketua Pembangkang itu maka Parlimen itu sendiri akan terjamin sebagai simbol demokrasi. Ini satu pendapat yang presumptious dan keterlaluan oleh kerana terpeliharanya demokrasi dan keutuhan Parlimen bukanlah bergantung kepada jawatan itu semata-mata. Tetapi patutlah kita tinjau sebab-sebab mengapa Ahli Yang Berhormat dari Menglembu membangkitkan soal kedudukan Ketua Pembangkang.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah mengatakan bahawa bilik pejabat Ahli Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang tidaklah setaraf dan tidaklah sesuai dengan kedudukannya sebagai Ketua Pembangkang oleh kerana kerusinya buruk dan sebagainya. Saya sendiri telah pergi ke bilik Ketua Pembangkang pada jam 2.30 petang tadi dan telah melihat bahawa bilik Ketua Pembangkang itu mempunyai permaidani warna biru wall to wall dan kerusi yang agak empuk dan selepas itu saya pula . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tentu lebih baik daripada kerusi ini barangkali, kerusi ini keras.

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Kerusi ini keras sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya. (*Ketawa*)

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Saya belum sampai kepada bilik Tuan Pengerusi lagi, tetapi saya telah pergi pula ke bilik-bilik Menteri di mana saya lihat lantai pula tidak mempunyai permaidani hanya setakat "parquet" sahaja dan kerusi pun samalah setaraf dengan kerusi dalam bilik Ketua Pembangkang. Jadi soal-soal fasal kerusi Setiausaha Sulit Politik ini, saya fikir biar kita lepaskan di sini sahaja.

Beberapa perkara lain telah juga dibangkitkan, saya tidaklah bertujuan menyentuh dengan begitu mendalam dalam ucapan saya ini, melainkan menarik perhatian Dewan ini kepada teguran Yang Berhormat dari Menglembu juga berhubung dengan soalan-soalan bertulis. Kebiasaannya kalau seseorang Ahli Yang Berhormat itu ingin benar mendapat jawapan yang serta-merta sepatutnya dia terus berhubung dengan Setiausaha Parlimen iaitu Setiausaha Dewan Rakyat untuk mendapat naskahnya, untuk mendapatkan jawapan daripada pihak Kementerian yang berkenaan. Itulah cara kita manusia bekerja mengadakan hubungan yang baik dengan orang lain supaya dapat memudahkan pekerjaan kita dilakukan sehari demi sehari. Dan soal fail-fail yang hilang seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu juga, perkara ini telah dirujuk kepada pihak polis dan telah menjadi satu perkara di bawah jagaan pihak polis.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Jabatan Odit pula, B.3 saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson yang telah menyentuh tentang Maksud B. 3. Pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah menasabah dan akan diberi perhatian yang berat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

B. 4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bachok, Kangar dan Lubuk Antu telah menyentuh tentang Maksud B. 4. Teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu semuanya berkisar di atas proses pendaftaran pengundi ataupun kemudahan mengundi semua pilihanraya diadakan. Terlebih dahulu sukalah saya memaklumkan bahawa sebanyak 4,030 Pusat Pendaftaran yang tetap diwujudkan di seluruh Malaysia ketika proses pendaftaran pengundi dimulakan pada bulan lepas. Pemilihan pusat-pusat ini berdasarkan kepada taburan penduduk, kemudahan-kemudahan perhubungan dan lain-lain faktor yang ada kaitannya bagi memudahkan pendaftaran. Penambahan kepada pusat-pusat pendaftaran khususnya di luar bandar akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa.

Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok berhubung dengan ketidaksesuaian Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran, letaknya dan kesusahan pergi keluar mengundi dan soal sama ada kertas undi yang akan digunakan di Klang adalah sama, saya hanya ingin menjawab bahawa bukan kertas undi yang dimaksudkan, tetapi kertas pencalunan dan bagi pilihanraya kecil Kelang untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut, borang pencalunannya adalah sama juga.

Berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran-B. 7 di mana ada teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu juga berhubung dengan sungutan-sungutan yang dibuat oleh Guru-guru Besar yang terlibat dalam kenaikan pangkat, saya fikir ini telah dijawab sebahagian daripadanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, tetapi sukalah saya merujuk dan menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bahawa soal ini perlulah dijawab oleh Kementerian Pelajaran oleh kerana urusan-urusan menggredkan semula jawatan Guru Besar dan juga kenaikan pangkat-pangkat Guru Besar yang berkenaan adalah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran

dan bukanlah diberi kuasa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Jadi saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan akan juga membangkitkan soalan ini semasa Jawatankuasa membincangkan peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat baik daripada pihak Pembangkang ataupun pihak Kerajaan ialah Maksud B. 10 berhubung dengan Jabatan Kehakiman iaitu penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dan cadangan-cadangan yang menasabah akan dipertimbangkan dan sekiranya wajar akan dilaksanakan. Tetapi suka saya menyatakan di sini bahawa sepanjang perbahasan itu anggapan yang telah saya nampak dan maklum daripada membaca surat khabar dan sebagainya ialah seolah-olah Bahasa Kebangsaan tidak langsung digunakan di mahkamah-mahkamah.

Anggapan ini adalah salah oleh kerana Bahasa Malaysia memang ada digunakan di mahkamah-mahkamah dan selaras dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, Seksyen 8 dan ini adalah merupakan dasar Kerajaan buat masa ini. Walau bagaimanapun, seperti mana saya katakan tadi cadangan dan pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi, teguran-teguran telah dibuat terhadap Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Umpamanya, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang mencadangkan supaya Lembaga Urusan dan Tabung Haji menghantar lebih ramai pegawai perubatan daripada rombongan kebajikan. Ini memang telah dilaksanakan peringkat demi peringkat mengikut bilangan Jemaah Haji bagi setiap tahun. Dan soal membenarkan pengambilan jemaah haji daripada lapangan terbang, yang lain seperti Senai, Bayan Lepas, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching; perkara ini terpaksa ditangguhkan sehingga ke semua lapangan terbang tersebut dapat menerima kapal terbang jenis DC-10, Boeing ataupun kapal-kapal terbang yang lain yang lebih besar; tetapi pada pendapat kami kesesakan di lapangan terbang Subang akan dapat diselesaikan apabila siap bangunan kompleks

kebajikan Lembaga Urusan dan Tabung Haji di kawasan Sungai Way/Seaport yang akan mengandungi sebuah masjid, sebuah asrama enam tingkat dan sebuah dewan pelbagai guna. Segala urusan "check in" iaitu menimbang barang, pemberian tiket dan sebagainya akan dibuat kelak di bangunan kompleks ini dan jemaah haji akan terus dibawa naik kapal terbang daripada tempat tersebut. Jadi dengan cara ini kesesakan di Lapangan Terbang Subang akan dapat dikurangkan kerana penghantar-penghantar tidak akan membanjirinya lagi.

Berhubung dengan soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau iaitu penyelesaian yang diambil oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya jemaah haji dapat menunaikan fardhu haji dengan lebih sempurna dari segi hukum, suka saya menyatakan bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji berharap dan menganggap tiap-tiap bakal haji yang akan menunaikan fardhu haji ke Mekah selain daripada mempunyai wang yang cukup dan kesihatan yang sempurna hendaklah juga melengkapkan diri dengan pengetahuan dan pelajaran mengenai hukum fardhu haji untuk mereka menunaikan fardhu haji. Walaupun demikian sebagai bantuan, Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada tiap-tiap tahun menganjurkan kursus haji kepada semua bakal-bakal haji. Dalam kursus-kursus tersebut pelajaran mengenai ibadat haji juga diambil perhatian Untuk masa hadapan Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh meningkat dan menitikberatkan lebih banyak lagi kepada perkara pelajaran ibadat haji dalam kursusnya.

Soal tambang menaiki haji sama ada boleh diturunkan atau tidak juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Arau dan suka saya menyatakan bahawa tambang jumaah haji Malaysia ke Mekah ditentukan oleh pihak MAS dan Syarikat Penerbangan Arab Saudi berasaskan beberapa faktor terutamanya harga minyak. Sekiranya harga minyak dapat diturunkan, harga tambang juga mungkin dapat diperturunkan.

Soal mengapa Lembaga Urusan dan Tabung Haji menumpukan kepada keuntungan kepada pelaburan dan tidak menitikberatkan kepada kebajikan jemaah haji yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, adalah tidak benar bahawa

Lembaga Urusan dan Tabung Haji menumpukan kepada keuntungan pelaburan sahaja dan mengenyepikan kebajikan jemaah haji. Sebaliknya adalah menjadi matlamat dua serampang Lembaga itu iaitu selain daripada memberi lebih banyak keuntungan kepada penyimpannya adalah menjadi hasrat dan tujuan-tujuannya untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan lebih sempurna terhadap jemaah haji sewaktu mereka berada dalam perjalanan ke tanah suci, sewaktu di tanah suci dan dalam perjalanan balik ke Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga menyentuh tentang Pusat Penyelidikan Islam, teguran ini tidak terhad kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam tetapi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Islam yang telah mencadangkan supaya agama-agama lain di selidiki di Pusat Penyelidikan Islam di Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut, Pusat Penyelidikan ini di samping menumpukan kajian berhubung dengan masalah umat Islam di negara ini juga menumpukan perhatian berhubung dengan adat, tradisi kepercayaan dan perbandingan di antara agama yang terdapat di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah juga menyentuh tentang aktiviti Pusat Penyelidikan Islam yang dijalankan pada masa ini dan telah membuat cadangan-cadangan seperti mengadakan sebuah muzium dan juga meminta tokoh-tokoh ulamak mengadakan penyelidikan tentang sejarah perundangan Islam dan peruntukan perbelanjaan Pusat Penyelidikan Islam sepatutnya ditambah lagi daripada \$1,100,000 yang diperuntukkan itu. Aktiviti Pusat Penyelidikan Islam pada masa sekarang ini ditumpukan semata-mata kepada penyelidikan terhadap masalah-masalah yang timbul di dalam masyarakat Islam semasa di negara ini. Tujuan daripada penyelidikan tersebut adalah untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah itu dengan seberapa cepat yang boleh. Dalam rancangan masa hadapan Pusat Penyelidikan Islam di dalam bidang sejarah Islam akan dijalankan dalam tahun 1980 khasnya berhubung dengan sejarah perkembangan Islam di Malaysia dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dalam rancangan kompleks Pusat Islam yang dijangka siap dalam tahun

1981 termasuklah sebuah muzium yang akan mempamerkan bahan-bahan sejarah Islam dan juga sebuah perpustakaan awam Islam. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan lain berhubung dengan Pusat Penyelidikan Islam atau Jabatan Ugama di Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri dan pandangan-pandangan yang menasabah akan diberikan perhatian yang serius dan pertimbangan yang wajar sama ada dilaksanakan atau tidak.

Berhubung pula dengan Jabatan Perdana Menteri, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat berhubung dengan program menyediakan kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil patutlah diadakan tempat-tempat perniagaan bukan hanya di tapak-tapak letak kereta, tetapi patutlah diadakan tempat yang strategik di dalam bandar di merata Malaysia. Sukalah saya menyatakan bahawa sebenarnya pada pendapat orang yang biasa berniaga selalunya tapak letak kereta itulah yang strategik sekali oleh kerana kedudukannya hampir di tengah-tengah bandar. Jadi, tidaklah sepatutnya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat merasa bimbang dari segi pemilihan kawasan-kawasan perniagaan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah juga menimbulkan perkara mengenai kekurangan pegawai dan kakitangan di Pejabat Kemajuan Negeri Perlis, sukalah saya menyatakan perkara ini sedang dikaji dan tindakan sewajarnya akan diambil. Mengenai Rancangan Pemulihan Kampung yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Kerajaan bagi tahun 1980 telah membuat peruntukan sebanyak \$62 juta berbanding dengan tahun 1979, ini telah diberi peruntukan sebanyak \$38 juta pada tahun 1979. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan dengan jelas memberi perhatian berat terhadap Rancangan Pemulihan Kampung. Adalah diharapkan bahawa lebih banyak lagi kampung kategori "C" dapat menyertai di dalam rancangan ini. Mengenai klasifikasi kampung, Kerajaan telahpun memberitahu pihak negeri dan daerah supaya semua kampung-kampung yang telah tersalah mengisi borang umpamanya dikelasifikasikan semula supaya kampung-kampung tersebut dapat diberikan klasifikasi yang sebenarnya.

Mengenai jalan-jalan kampung adalah ditentukan oleh pihak Pegawai Daerah dan Penghulu-penghulu sekiranya jalan tersebut perlu dinaikkan tarafnya maka jalan tersebut akan dimasukkan ke dalam program jalan luar bandar untuk ditarkan. Berkaitan dengan perkara ini Pegawai Kemajuan Negeri akan mengemukakan permohonan-permohonan kepada Bahagian Penyelaras Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu telah juga bertanya tentang peruntukan bagi membina jalan di negeri Sarawak. Kerajaan sebenarnya telah memberi peruntukan sebanyak \$10 juta bagi tiap-tiap tahun. Peruntukan diberikan kepada sesuatu negeri itu mengikut keupayaan membelanjakan peruntukan itu untuk melaksanakan projek-projek pada tahun tersebut. Pada tahun 1978 umpamanya negeri Sarawak telah diberi peruntukan sebanyak \$10 juta tetapi hanya berupaya membelanjakan \$5 juta sahaja, jadi terpaksa kita mensesuaikan pemberian bantuan mengikut keupayaan tiap-tiap negeri untuk membelanjakannya.

Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menuduh cara melulu juga yang mengatakan bahawa di negeri Sarawak tidak ada perbelanjaan atau peruntukan bagi peniaga-peniaga kecil. Sebenarnya peruntukan yang telah disediakan pada tahun 1979 iaitu bagi negeri Sarawak berjumlah \$210,000. Mengikut Ahli Yang Berhormat dari Petaling ini tidak dibelanjakan kerana tidak ada projek-projek dilihat oleh mata Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang tidak ada di sini punt, sehingga bulan November tahun ini sebanyak 112 unit gerai telah siap dibina di bandar-bandar negeri Sarawak. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

Di Kuching ...	48 unit (Ini pun Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak nampak 48 unit yang telah dibina)
Di Limbang ...	36 unit
Seratok ...	18 unit
Lawas ...	10 unit
Jumlah ...	<u>112 unit</u>

Walaupun begitu banyak gerai-gerai yang telah dibina tetapi sebagai Ahli Pembangunan kalau 100 yunit pun tidak nampak tak tahu apa lagi yang dia hendak nampak. Ini bersabit dengan modal politik yang sentiasa digunakan untuk memancing undi di negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah iaitu berkenaan dengan pegawai-pegawai yang melaksanakan Rancangan Pemulihan Kampung. Soalan Ahli Yang Berhormat itu suka-lah saya menjawab bahawa pertamanya orang-orang yang melaksanakan Rancangan Pemulihan Kampung ini ialah Pegawai Daerah dan dibantu oleh penggerak-penggerak yang terdiri daripada latar-belakang masyarakat sepertimana yang saya sebutkan tadi iaitu ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah. Keduanya, penggerak-penggerak ini sedang diberi latihan dengan secara besar-besaran iaitu ketua-ketua kampung kalau Yang Berhormat sedar ketua-ketua kampung daripada kawasan kita sudahpun dihantar ke INTAN bagi meningkatkan kemampuan mereka memahami Rancangan Pemulihan Kampung dan dengan adanya latihan ini penggerak-penggerak ini akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap dan berkesan. Soalan peruntukan sebanyak \$1,000 itu buat masa ini Kerajaan telah memutuskan untuk memberi bantuan sebanyak \$1,000 untuk memulihkan rumah, had bantuan akan ditimbang dari semasa ke semasa sekiranya difikirkan perlu.

Berhubung dengan konsep Rancangan Pemulihan Kampung, tujuan mengadakan Rancangan Pemulihan Kampung ini adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada kampung-kampung, desa-desa dalam semua bidang fizikal, ekonomi, kesihatan dan sosial supaya taraf dan kualiti hidup penduduk-penduduknya dipertingkatkan. Rancangan Pemulihan Kampung sememangnya mempunyai berbagai program sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah seperti pembinaan jalanraya, balairaya dan sebagainya termasuk rancangan pemulihan rumah-rumah buruk.

Berhubung dengan teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, iaitu sepatutnya Lembaga Perancang Keluarga Negara menumpukan perhatian kepada masalah kemiskinan dalam erti kata makanan dan

pemakanan, sukalah saya menyatakan bahawa untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menggalakkan penduduk luar bandar menjalankan projek-projek Amalan Nilai Pemakanan (ANP) tersebut memang sedang dilakukan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara pada masa sekarang dengan kerjasama daripada berbagai jabatan lain yang berkenaan, iaitu di kawasan atau kampung yang telah dipilih sebagai kawasan projek ANP. Sementara itu bagi kawasan atau kampung yang lain perkara ini juga akan dijalankan sebaik sahaja projek ANP diluaskan ke kawasan-kawasan atau kampung-kampung yang lain daripada pilot project yang terlibat.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah membuat teguran berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan memberikan cadangan-cadangan bagaimana untuk mengkaji dan meningkatkan prestasi dan kecakapan pegawai-pegawai Kerajaan dan telah juga memberi beberapa pandangan terhadap projek-projek seperti yang lambat dibina seperti Hospital Besar di Kuala Trengganu. Ini semua menurut Ahli Yang Berhormat itu bergantung kepada kecakapan pegawai-pegawai Kerajaan dan Ahli Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah yang timbul daripada keadaan ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan perkara ini saya percaya adalah di dalam perhatian pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menjawab kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Petaling iaitu berhubung dengan kedudukan Parlimen sebagai Dewan rubber stamp. Saya percaya rakan saya dari Tanah Merah telah juga memberi pendapat dan menjawab kepada teguran-teguran yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu. Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah juga meminta supaya Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai satu pendirian yang bebas daripada Kerajaan. Ini menurut Ahli Yang Berhormat itu adalah kerana kajian sempadan kawasan-kawasan pilihanraya dijalankan sebaik sahaja pengumuman daripada Menteri Kewangan yang negeri Kelantan akan mempunyai, sayapun tak ingat, satu lebih atau dua lebih kawasan pilihanraya tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengkaji Belanjawan Perseku-

tuan 1980 ia akan melihat bahawa kajian sempadan dan bahagian ini, peruntukan bagi kajian sempadan pilihanraya diberikan setiap tahun, iaitu tahun 1979 pun diberikan dan tahun 1980 pun dikeluarkan juga. Jadi soal sangkut paut peruntukan dengan pengumuman oleh Menteri Kewangan tidaklah timbul langsung dan soal sama ada Suruhanjaya Pilihanraya benar-benar bebas itu pada saya merupakan anggapan Ahli Yang Berhormat sendiri. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu menuduh Kerajaan mengatakan Kerajaan menunjukkan sikap "arrogance of power", tetapi jelas pada saya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekarang ini pula menunjukkan "arrogance of no power". Jadi inilah kebiasaannya macam anjing menyalak bukit kadang-kadang anjing itu kuat menyalak dengan harapan bukit itu boleh runtuh.

Tuan Pengerusi, soal sama ada prinsip satu orang satu undi digunakan dalam penentuan kawasan-kawasan pilihanraya telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan inipun telah dijawab dengan begitu sempurna sekali oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, sukalah saya menyatakan bahawa saya sendiri tidak bercadang untuk menjawab semua teguran-teguran yang telah ditimbulkan dalam perbahasan ini. Begitu banyak teguran-teguran sekali sehinggakan tidak dapat Jabatan Perdana Menteri memberikan jawapan yang begitu sempurna tetapi sukalah saya mengatakan bahawa cadangan-cadangan yang baik yang dibentangkan dalam peringkat Jawatan-kuasa, akan ditimbang dan sekiranya didapati menasabah, akan dilaksanakan. Sekian, saya mengucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Wang sebanyak \$8,219,400 untuk Maksud B.1, \$248,600 untuk Maksud B.2, \$12,727,000 untuk Maksud B.3, \$3,778,400 untuk Maksud B.4, \$3,168,500 untuk Maksud B.5, \$145,800 untuk Maksud B.6, \$1,751,500 untuk Maksud B.7, \$166,350,800 untuk Maksud B.8, \$172,242,600 untuk Maksud B.9, \$17,450,800 untuk Maksud B. 10, \$890,400 untuk Maksud B. 11, \$2,649,000 untuk Maksud B.12, \$2,368,800 untuk Maksud B.13 dan \$54,587,400 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada

Jadual; dan wang sebanyak \$624,281,978 untuk Maksud P.8, \$11,000,000 untuk Maksud P.9 dan \$12,600,000 untuk Maksud P.10 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengemukakan perbelanjaan di bawah Kementerian saya di bawah Maksud Bekalan 15 hingga 21 dan Maksud Pembangunan P. 15, P. 17 hingga P. 20.

*Maksud B.15, B.16, B.17, B.18, B.19, B.20 dan B.21 (Jadual)—*

*Maksud P. 15, P.17, P.18, P.19 dan P.20 (Anggaran Pembangunan, 1980)—*

6.06 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Belanjawan Mengurus dan Belanjawan Pembangunan tahun 1980 untuk Kementerian saya di bawah Kepala 15 dan juga kesemua 6 jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya. Jabatan-jabatan tersebut ialah:

- Jabatan Perancang Bandar dan Desa
- Jabatan Perkhidmatan Bomba
- Jabatan Arkib Negara
- Jabatan Perpustakaan Negara
- Jabatan Percetakan Negara dan
- Jabatan Pertahanan Awam.

Jumlah yang dipohon ialah sebanyak \$340,578,039 dan daripada jumlah tersebut sejumlah \$73,752,400 adalah bagi Anggaran Belanja Mengurus dan sejumlah \$266,825,639 adalah dari Anggaran Belanja Pembangunan.

Sebelum saya meminta kelulusan ini, mula-mula saya ingin menerangkan Anggaran Belanja Mengurus.

*Kepala Bekalan 15-Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (\$15,125,000)*

Kementerian ini memerlukan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak \$15,125,000 bagi tahun 1980. Peruntukan ini adalah diperlukan bagi membiayai gaji kakitangan Kementerian termasuk Jabatan Perumahan

Negara dan Bahagian Kerajaan Tempatan dan peruntukan ini juga termasuk membayar tuntutan perjalanan pegawai-pegawai, pekerja penyelidikan dan latihan. Di samping itu juga untuk perbelanjaan bagi melaksana dan menjayakan penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan di seluruh negara.

*Kepala Bekalan 16—Jabatan Perancang Bandar dan Desa (\$2,762,400)*

Jabatan Perancang Bandar dan Desa memerlukan sejumlah \$2,762,400 untuk perbelanjaan mengurusnya bagi tahun 1980, iaitu tambahan sebanyak \$641,400 dari tahun 1979. Tambahan ini adalah tambahan biasa dan antara lainnya ialah dengan adanya tambahan jawatan-jawatan baru. Pada keseluruhan aktiviti-aktiviti Jabatan ini akan dipergiatkan lagi dalam semua bidang, baik dalam bidang perkhidmatan-perkhidmatan perancangan mahupun dalam bidang penyelidikan dan latihan.

*Kepala Bekalan 17—Perkhidmatan Bomba Malaysia (\$27,125,000)*

Jabatan Perkhidmatan Bomba memerlukan peruntukan sebanyak \$27,125,000 dan ini adalah melebihi peruntukan tahun 1979 sebanyak \$1,526,000. Jabatan ini dari setahun ke setahun akan cuba meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan Bomba dengan menambahkan bilangan anggota-anggota Bomba dan mengadakan latihan asas sama ada di dalam dan di luar negeri kepada anggota-anggota untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan teknik dan iktisas yang selaras dengan perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi. Dalam usaha memberi kesedaran sivik betapa pentingnya keperluan pengetahuan dan perediaan pencegahan kebakaran Jabatan ini akan lebih aktif lagi dalam mengadakan kempen-kempen, penerangan dan kursus kebombaan bagi orang awam, kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Swasta.

*Kepala Bekalan 18—Jabatan Arkib Negara (\$2,270,000)*

Pada tahun 1980 Arkib Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$2,270,000 untuk belanja mengurusnya dan ini melebihi peruntukan tahun 1979 sebanyak \$190,000. Penambahan peruntukan ini mencerminkan penambahan dan pemesatan tugas-tugas serta perolehan bahan-bahan untuk Arkib

Negara supaya dapat memperluaskan lagi aktiviti-aktivitinya di samping usaha-usaha ke arah pengumpulan dan penyediaan maklumat serta memelihara segala bahan-bahan berkenaan dan menyelenggara projek Perpustakaan Peringatan Tun Abdul Razak yang ditubuhkan pada tahun 1976, pada keseluruhannya kerja-kerja jabatan ini akan dipesatkan.

*Kepala Bekalan 19—Jabatan Perpustakaan Negara (\$2,847,000)*

Perpustakaan Negara memerlukan peruntukan sejumlah \$2,847,000 iaitu melebihi sebanyak \$147,000 daripada peruntukan tahun 1979. Penambahan peruntukan dalam perbelanjaan mengurus ini adalah untuk menambah koleksi perpustakaan dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti perpustakaan negara. Dalam tahun 1980 koleksi Jabatan ini dijangka akan melebihi 170,000 naskah dan bilangan pembaca-pembaca meningkat melebihi 85,000 orang dan jumlah pinjaman yang akan dikeluarkan melebihi 150,000 naskah. Jabatan ini akan terus memperkukuh koleksi perpustakaan terutama dari bahan-bahan Malaysian, koleksi pinjaman dan rujukan. Rancangan pertukaran dan hadiah akan dipergiat lagi dengan adanya "Konsertium Asia Tenggara". Usaha-usaha akan diadakan untuk memperkembangkan perkhidmatan perpustakaan di kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan pedalaman, dan untuk mengadakan perkhidmatan kesedaran semasa kepada sektor swasta. Perpustakaan Negara juga akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam penyelarasan dan perkembangan Perpustakaan Awam, khususnya pada peringkat negeri.

*Kepala Bekalan 20—Jabatan Percetakan Negara (\$22,193,000)*

Bagi tahun 1980, Jabatan Percetakan Negara memerlukan sejumlah \$22,193,000 untuk perbelanjaan mengurusnya, tambahan sebanyak \$3,144,000 dari tahun 1979. Tambahan ini merupakan tambahan biasa termasuklah untuk menampung pertambahan kos kakitangan, yang di antara lainnya 52 jawatan baru telah diwujudkan dan 22 orang pegawai dan kakitangan telah diluluskan untuk kenaikan pangkat; di samping itu untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang kian bertambah. Pada keseluruhannya Jabatan ini akan mempergiatkan lagi segala aktiviti-aktiviti dan tugas-tugasnya.

*Kepala Bekalan 21—Jabatan Pertahanan Awam (\$1,430,000)*

Jabatan Pertahanan Awam memerlukan sejumlah \$1,430,000 untuk tahun 1980 iaitu tambahan sebanyak \$118,800 dari tahun 1979. Tambahan ini juga merupakan tambahan biasa. Jabatan ini akan terus merancang dan melaksanakan kursus-kursus yang lebih teratur dan bilangan kursus akan diperbanyakkan lagi, supaya dapat mengujudkan lebih banyak anggota pasukan pertahanan awam yang cergas, cekap, disiplin, dan dapat bertindak dengan pantas apabila keadaan memerlukan mereka.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menerangkan pula Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi Kementerian saya dan 4 Jabatan-jabatan di bawahnya.

*Kepala Pembangunan 15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (\$233,206,604)*

Di bawah kepala ini, peruntukan sebanyak \$233,206,604 adalah diperlukan bagi melaksanakan berbagai projek pembangunan perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah kelolaan Kementerian saya. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak \$18,925,163 daripada tahun 1979. Daripada jumlah ini, \$200,700,510 adalah dalam bentuk pinjaman (loan) dan \$32,506,094 di dalam bentuk peruntukan secara langsung (grant).

*Kepala Pembangunan 17—Jabatan Perkhidmatan Bomba (\$20,232,287)*

Peruntukan sejumlah \$20,232,287 diperlukan oleh Jabatan ini untuk rancangan pembangunannya. Peruntukan ini adalah perlu untuk menjayakan tujuan atau dasar Jabatan ini dalam meningkatkan lagi mutu dan prestasi Perkhidmatan Bomba melalui rancangan-rancangan berikut:

- (i) Mengganti dan menambah secara berperingkat-peringkat bilangan kereta-kereta Bomba pada tiap-tiap balai dengan beberapa jenis kenderaan yang sesuai dengan keadaan setempat seperti "Water Tender" Snorkel dan lain-lain;
- (ii) Melengkapkan tiap-tiap Balai Bomba dengan alat kelengkapan pemadam api dan kebombaam yang sesuai dan moden;

- (iii) Mengganti balai-balai yang telah lama dan usang serta mengadakan balai-balai bomba di kawasan-kawasan pembangunan sosio-ekonomi dan perkembangan penduduk yang begitu pesat.

*Kepala Pembangunan 18—Jabatan Arkib Negara (\$4,102,580)*

Pada tahun 1980, Jabatan Arkib Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$4,102,580. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$3,202,570 adalah diperlukan untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan bangunan Arkib Negara yang telah berjalan selepas Julai 1977 di Jalan Duta. Sebanyak \$900,000 adalah diperlukan untuk menyediakan kawasan dan kerja-kerja awal pembinaan Perpustakaan Peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR) di Kuantan, Pahang. Perpustakaan ini adalah bertujuan untuk menjadi tempat simpanan dan pemeliharaan bahan-bahan dan rekod-rekod kepunyaan dan mengenai Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Bangunan ini dijangka berharga \$5.3 juta. Peruntukan tanda \$10/- adalah diperlukan untuk maksud menjalankan satu program mengenai keselamatan rekod-rekod penting negara.

*Kepala Pembangunan 19—Jabatan Perpustakaan Negara (\$3,090,020)*

Pada tahun 1980, Perpustakaan Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$3,090,020. Ini termasuk dua peruntukan tanda \$10 bagi maksud bangunan Perpustakaan Negara dan untuk perkembangan koleksi buku-buku. Peruntukan sebanyak \$3,090,000 akan digunakan sebagai bantuan kepada pihak Kerajaan Negeri-negeri untuk membina Perpustakaan Awam Negeri serta memperkembangkan perkhidmatan perpustakaan Awam peringkat Negeri.

*Kepala Pembangunan 20—Jabatan Percetakan Negara (\$6,194,148)*

Sejumlah \$6,194,148 adalah diperlukan untuk rancangan-rancangan pembangunan Jabatan ini. Dari jumlah tersebut sebanyak \$5,744,795 adalah diperlu untuk membeli mesin dan kelengkapan Jabatan Cetak di Semenanjung Malaysia, dan Cawangan Miri. Manakala baki peruntukan sebanyak \$449,353 adalah diperlu untuk meneruskan

kerja-kerja pembinaan pejabat-pejabat Percetakan yang sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kerja pembinaan tersebut ialah untuk membina:

- (i) Bangunan Percetakan Keselamatan dan Setor Kertas, Kuala Lumpur;
- (ii) Tapak bangunan baru Cawangan Kuala Trengganu;
- (iii) Bangunan Tambahan Setor Kertas Cawangan Alor Setar;
- (iv) Tambahan kepada bangunan Bengkel Ibu Pejabat; dan
- (v) Pejabat Percetakan Cawangan Miri.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan yang telah saya berikan, saya memohon kelulusan Dewan yang mulia bagi Anggaran Peruntukan Kementerian saya dan semua 6 Jabatan di bawahnya berjumlah \$340,578,039.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Bekalan B.15 hingga B.21 dan Maksud Perbelanjaan P.15, P.17 hingga P.20 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.20 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas anggaran peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertama, suka saya merujuk kepada Maksud B.15, muka surat 103, Butiran 1100, Aktiviti (3) Pelesenan dan Khidmat Nasihat.

Tuan Pengerusi, dalam buku Anggaran Belanjawan, 1980, Kementerian yang berkenaan telah menerangkan bahawa Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat bertujuan mengeluarkan lesen-lesen dan permit iklan dan mengawasi pembangunan perumahan di sektor swasta supaya ianya selaras dengan tujuan negara di bawah pemakaian Akta Mengawal dan Melesen Pemaju Perumahan, 1966. Ia juga bersedia memberi khidmat nasihat kepada bakal-bakal pembeli rumah dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada peranan ini yang begitu penting dan mustahak, suka saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk memastikan bahawa Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat dilengkapkan dengan pegawai-pegawai penguatkuasa yang cukup dan berkaliber supaya Bahagian ini dapat menjalankan tugasnya dengan lebih efektif demi kepentingan orang ramai.

Ingin saya menegaskan di sini bahawa adalah tidak bermunafaat mengadakan satu Bahagian yang begitu mustahak sekiranya ia tidak dapat memberi apa-apa kesan untuk membantu orang ramai supaya mereka tidak lagi menjadi mangsa penipuan oleh pemaju-pemaju perumahan yang palsu.

Berhubung dengan perkara ini, suka saya menarik perhatian Dewan ini khasnya Timbalan Menteri yang berkenaan kepada aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan tipu helah yang dilakukan dan lain-lain penyelewengan yang dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan palsu atau dalam bahasa Inggeris bogus developers di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa salah satu tujuan Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah untuk menyiasat aduan-aduan yang dibuat ke atas pemaju-pemaju perumahan dan sebarang agen perumahan yang menjadi orang tengah dalam urusan jual-beli rumah. Memandangkan kepada objektif ini saya terpaksa bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada tugas ini ada dijalankan dengan berkesan oleh Kementeriannya demi kepentingan orang ramai. Saya membuat pertanyaan ini oleh kerana dalam masa dua tahun yang lepas ini dan terus sehingga hari ini saya sebagai seorang Wakil Rakyat sentiasa menerima banyak aduan daripada orang ramai mengenai pemaju-pemaju perumahan palsu yang telah mengutip berjenis-jenis bayaran-bayaran seperti misalnya, bayaran-bayaran pendaftaran dan bayaran-bayaran tempahan dan juga bayaran-bayaran khidmat daripada bakal-bakal pembeli

rumah. Manakala pemaju-pemaju perumahan itu belum pun lagi memohon dan mendapat lesen daripada Kementerian yang berkenaan bagi melayakkan mereka menjadi perumahan yang sah.

Sebenarnya pemaju perumahan ini telah melakukan satu kesalahan di bawah Akta Pemaju-pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 kerana gagal memohon dan mendapat lesen sebagai satu pemaju perumahan yang sah. Tetapi memandangkan bahawa pemaju-pemaju perumahan tersebut telah berjaya mengelakkan diri daripada perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga membuat kutipan bagi bayaran pendaftaran dan tempahan dan lain-lain bayaran khidmat dari bakal-bakal pembeli manakala mereka belum pun memperolehi lesen pemaju. Ini pada pandangan saya adalah satu perkara yang amat serius, satu perkara yang dengan terang menunjukkan bahawa Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat dalam Kementerian yang berkenaan tidak cukup mengawasi, memeriksa dan mengesan kegiatan-kegiatan pemaju-pemaju perumahan yang haram ini, yang palsu ini.

Saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi Kementerian mengambil tindakan yang lebih ketat terhadap pemaju-pemaju perumahan yang palsu ini memandangkan betapa seriusnya masalah ini dan bahawasannya sebilangan besar mangsa-mangsa ini adalah dari golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh apa yang saya sifatkan sebagai pemaju-pemaju perumahan yang palsu merupakan begini. Yang pertama, mereka membuat iklan-iklan dalam surat khabar tempatan khasnya surat khabar tempatan berbahasa Cina dan memberitahu orang ramai melalui iklan tersebut bahawa sesiapa yang hendak mendapat rumah-rumah murah boleh membuat pendaftaran di suatu alamat yang tersebut dalam iklan itu.

Saya merasa amat hairan bagaimana iklan itu boleh tersiar dalam surat khabar tempatan itu yang boleh mengelakkan perhatian dan tindakan Kementerian yang berkenaan. Pada dasarnya adalah salah untuk

membuat iklan yang menyeleweng itu oleh kerana menurut undang-undang Kementerian yang berkenaan sesiapa pemaju-pemaju perumahan berlesen yang hendak membuat iklan-iklan di dalam surat-surat khabar tempatan dikehendaki menunjukkan dalam iklan itu perkara-perkara berikut:

- (i) Nombor lesen pemaju perumahan.
- (ii) Nombor permit iklan.
- (iii) Berkaitan dengan tenure of land sama ada itu adalah freehold atau yang lain-lainnya.

(iv) Sama ada surat hakmilik atau title individu boleh didapati.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh sambung esok kalau suka.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 15hb November 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*